



APPGM-SDG
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen

2025

Zon Utara

P.061 Padang Rengas


Laporan Disediakan Oleh: Dr. Teo Lee Ken & Siti Noraiysah Rohim



Laporan Pemetaan Isu Parlimen P.061 Padang Rengas

Disediakan oleh:
Dr. Teo Lee Ken & Siti Noraiysah Rohim

KATA ALUAN				II
KATA PENGANTAR				IV
PENGENALAN				VI
BAHAGIAN A				
LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU				2 - 14
BAHAGIAN B				
1.0	PENGENALAN			18 - 23
	1.1 Geografi/Topografi			18
	1.2 Komposisi Penduduk			19
	1.3 Kegiatan Ekonomi Utama			20
	1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan			21
2.0	METODOLOGI PENYELIDIKAN			23 - 26
	2.1 Pendekatan Kajian			23
	2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan			25
	2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan			25
	2.4 Keterbatasan Kajian			27
3.0	RANGKUMAN ISU RENTAS SDG			27 - 31
4.0	GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU			32 - 85
	4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu			32
	4.2 Pengutamaan Isu			79
5.0	PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK			84- 87
	PENYELESAIAN			
6.0	RUJUKAN			88



P.061 PADANG RENGAS

KATA ALUAN

YBHG. TUAN RUSHDAN RUSMI
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Padang Besar (P.001)



Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, 'Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen' bagi jilid Zon Utara tahun 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Bagi pihak Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, saya ingin menyampaikan kata aluan ini sebagai tanda komitmen bersama dalam memperkukuh agenda pembangunan mampan di Malaysia. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) adalah kerangka penting yang menjadi panduan kepada pembangunan yang seimbang merangkumi dimensi ekonomi, sosial, alam sekitar dan tadbir urus dilaksanakan di negara ini. Pelaksanaan APPGM-SDG telah membentuk pentas bagi komuniti akar umbi untuk menyuarakan cabaran, keperluan, serta aspirasi mereka agar ia dapat dijadikan asas dalam merangka dasar dan inisiatif pembangunan yang lebih berkesan. Zon Utara, kawasan Padang Besar sebagai contohnya, bukan sekadar titik geografi di pinggir sempadan tetapi mencerminkan realiti kompleks sempadan moden di mana cabaran keselamatan, ekonomi dan sosial terjalin rapat. Pendekatan holistik dan jangka panjang yang merangkumi aspek pembangunan, integrasi agensi dan pengurusan risiko merentas sempadan diperlukan bagi menjamin kesejahteraan masyarakat setempat.

Isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat di kawasan Zon Utara menuntut perhatian segera dan penyelesaian yang menyeluruh. Justeru, laporan pemetaan isu yang diterbitkan pada tahun ini hadir sebagai satu dokumen penting yang menggabungkan suara rakyat dengan analisis data. Sebagai hasil kerjasama erat antara Ahli-ahli Parlimen, komuniti, pemimpin tempatan, agensi kerajaan dan pihak swasta, laporan ini tidak hanya

mengenal pasti cabaran tetapi juga menawarkan cadangan tindakan yang berdaya tahan. Saya percaya ia akan menjadi rujukan utama dalam membina pembangunan yang lebih adil dan saksama.

Setulus penghargaan saya tujukan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam penyediaan laporan ini, termasuk Sekretariat APPGM-SDG, Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat akar umbi. Laporan ini bukan sahaja mencatatkan cabaran yang dihadapi, tetapi turut menampilkan cadangan penyelesaian yang praktikal untuk dilaksanakan. Semoga penerbitan ini menjadi titik tolak kepada usaha berterusan dalam membina kerjasama strategik antara pelbagai pihak, sekali gus memperkukuh asas pembangunan negara yang inklusif, seimbang dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

YB Rushdan Rusmi

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG

Ahli Parlimen Padang Besar

KATA PENGANTAR

JAMES RYAN RAJ

*Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif,
APPGM SDG*



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihipunkan dalam jilid "Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen". Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan.

Jadual 1. Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	5
Jilid 2	Zon Pantai Timur	4	2
Jilid 3	Zon Tengah	3	3
Jilid 4	Zon Selatan	6	4
Jilid 5	Wilayah Sabah	4	2
Jilid 6	Wilayah Sarawak	2	2
JUMLAH KESELURUHAN		28	

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuk lah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting utama siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Binti Mohd Yasin, Tariq Ziad bin Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir, Kezia Sim Kui Ting dan Arif Azhad Abdul Ghaffar serta Afiqah Abdul Malik dari Pejabat Ketua Sekretariat atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENGENALAN

DR. THANARAJ MURUDI
Ketua Zon Utara, APPGM-SDG



Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkukuh gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).



Rajah 1. 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejitian bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalpastian awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta

cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program pelaksanaan yang realistik dan terukur.

Pemetaan Isu di Zon Utara

Zon Utara yang meliputi Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak mempunyai kekuatan geografi dan ekonomi yang pelbagai, termasuk sawah padi di Kedah dan Perlis, sektor perikanan di Kuala Kedah dan Lumut, pelancongan di Pulau Pinang serta pertanian dan kuari di Perak. Untuk tahun 2025, sebanyak sembilan (9) parlimen telah terpilih bagi pemetaan isu di zon utara, iaitu di Perak: Gopeng, Teluk Intan, Lumut, Larut, dan Padang Rengas; di Kedah: Padang Terap, Kuala Kedah, dan Kulim Bandar Baharu; serta di Pulau Pinang: Balik Pulau. Parlimen-parlimen ini memperlihatkan corak isu yang berulang, terutama dalam aspek sosial, ekonomi, infrastruktur asas, alam sekitar dan tadbir urus, yang perlu dianalisis secara kolektif untuk memahami pola pembangunan di zon ini.

Secara positif, zon utara mempunyai tenaga kerja belia yang besar, kepelbagaian sumber ekonomi, dan nilai komuniti yang masih kuat. Terdapat usaha aktif oleh komuniti setempat di Gopeng dan Balik Pulau untuk mengembangkan perusahaan kecil dan makanan tradisi, selain inisiatif pelancongan komuniti yang muncul di Larut dan Kuala Kedah. Potensi pengembangan sektor pelancongan juga tinggi, misalnya ekopelancongan di Lumut dan agro-pelancongan sawah padi di Kedah. Dari sudut tadbir urus, terdapat sokongan agensi di beberapa parlimen seperti Teluk Intan dan Kulim Bandar Baharu dalam memberi latihan dan bantuan asas kepada usahawan mikro.

Namun begitu, isu sosial seperti penagihan dadah yang ketara di Padang Terap, Lumut dan Larut mengancam masa depan belia, selain gejala judi dan lumba haram yang turut disebut di Kuala Kedah. Kos sara hidup tinggi dan peluang pekerjaan terhad menjadi aduan berulang di Teluk Intan, Gopeng, Balik Pulau dan Kulim Bandar Baharu, sehingga mendorong penghijrahan belia ke bandar besar. Infrastruktur asas yang lemah masalah bekalan air di Larut dan Kulim Bandar Baharu, ketiadaan lampu jalan di Kuala Kedah, jambatan rosak di Teluk Intan, serta kekurangan doktor pakar di Hospital Selama terus menjejaskan kesejahteraan masyarakat. Di samping itu, ancaman banjir berulang di Kuala Kedah dan Kulim Bandar Baharu, pencemaran sungai akibat kuari di Gopeng, serta hakisan tebing pesisir di Perak menimbulkan risiko jangka panjang kepada kelangsungan ekosistem dan ekonomi tempatan.

Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan zon utara mempunyai potensi besar dari segi pertanian, pelancongan dan keusahawanan komuniti, tetapi masih berdepan cabaran struktural yang perlu ditangani secara bersepadu. Intervensi yang menggabungkan

pembangunan ekonomi mapan, penyelesaian isu sosial belia, peningkatan infrastruktur asas dan pengurusan alam sekitar yang lestari akan memperkukuh daya tahan komuniti, mengurangkan jurang bandar-luar bandar, serta menjadikan zon utara lebih inklusif dan seimbang dalam pembangunan.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1	Tengah	Sabak Bernam	P092	YB Tuan Kalam bin Salan	PN- BERSATU	Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Sabak Bernam	Nur Syadhira Mohd Razali
2	Tengah	Hulu Selangor	P094	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun	PN-PAS	PDT Hulu Selangor	Nuha Mysara Mohd Hisam
3	Tengah	Seputeh	P121	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	PH-DAP	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Nurul Syaza Mazelan
4	Utara	Padang Terap	P007	YB Tuan Nurul Amin bin Hamid	PN-PAS	PDT Padang Terap	Nurul Syaza Mazelan
5	Utara	Kuala Kedah	P010	YB Dr. Ahmad Fakhruddin	PN-PAS	PDT Kota Setar	Dr Thanaraj Murudi
6	Utara	Balik Pulau	P053	YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik	PH-PKR	PDT Barat Daya	Siti Noraiysah Rohim
7	Utara	Larut	P059	YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin	PN- BERSATU	PDT Selama	Dr Thanaraj Murudi
8	Utara	Kulim-Bandar Baharu	P018	YB Tuan Roslan bin Hashim	PN- BERSATU	PDT Kulim & PDT Bandar Baharu	Dr Thanaraj Murudi
9	Utara	Padang Rengas	P060	YB Kapten Azahari bin Hasan	PN- BERSATU	PDT Kuala Kangsar	Dr Teo Lee Ken
10	Utara	Gopeng	P064	YB Tuan Tan Kar Hing	PH-PKR	PDT Kampar	Lydia Ann Anak Bill

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
11	Utara	Lumut	P073	YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail	PN-BERSATU	PDT Manjung	Dr Thanaraj Murudi
12	Utara	Teluk Intan	P076	YB Tuan Nga Kor Ming	PH-DAP	PDT Hilir Perak	Nurul Syaza Mazelan
13	Selatan	Jempol	P126	Dato' Haji Shamshulkahar Bin Haji Mohd Deli	BN-UMNO	PDT Jempol	Tariq Ziad bin Abdul Razak
14	Selatan	Jasin	P139	YB Tuan Zulkifli bin Ismail	PN-PAS	PDT Jasin	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
15	Selatan	Segamat	P140	YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj	PH-PKR	PDT Segamat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
16	Selatan	Sri Gading	P149	YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan	PH-AMANAHAH	PDT Batu Pahat	Dr Teo Lee Ken
17	Selatan	Batu Pahat	P150	YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar	PH-PKR	PDT Batu Pahat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
18	Selatan	Pulai	P161	YB Tuan Suhaizan bin Kaiat	PH-AMANAHAH	Pejabat Daerah Johor Bahru	Siti Noraiysah Rohim
19	Timur	Maran	P089	YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib	PN-PAS	PDT Maran	Siti Noraiysah Rohim
20	Timur	Kota Bharu	P020	YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan	PN-PAS	Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
21	Timur	Pasir Puteh	P023	YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh	PN-PAS	PTJ Pasir Puteh	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
22	Timur	Besut	P033	YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh	PN-PAS	PDT Besut	Siti Noraiysah Rohim
23	Sabah	Tuaran	P170	YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau	PH-UPKO	Pejabat Daerah Tuaran	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
24	Sabah	Putatan	P173	YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya	BN-UMNO	Pejabat Daerah Putatan	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
25	Sabah	Semporna	P189	YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal	WARISAN	Pejabat Daerah Semporna	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
26	Sabah	Labuan	P166	Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman	BEBAS	Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
27	Sarawak	Stampin	P196	YB Tuan Chong Chieng Jen	PH-DAP	Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran Kuching Selatan (MBKS)	Raine Melissa Riman
28	Sarawak	Lubok Antu	P203	YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi	GPS-PRS	Pejabat Daerah Lubok Antu	Raine Melissa Riman

SEKALUNG PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025. Terima kasih kepada ketua penyidik setiap kawasan Parlimen, pasukan penyunting, dan pegawai-pegawai Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen yang telah bertungkus-lumus memastikan laporan ini terhasil dengan jayanya. Penghargaan khusus juga kepada Ahli-ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat dan, pengarah-pengarah APPGM-SDG, jaringan pakar rujuk, serta semua Ahli Parlimen dan agensi kerajaan yang memberikan kerjasama dan input sepanjang gerak kerja pemetaan isu ini.

Berdasarkan usaha kolektif ini, APPGM-SDG komited untuk meneruskan perjalanan penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dengan langkah strategik. Antara langkah lanjut lanjutan daripada pemetaan isu ini adalah bengkel pembangunan kapasiti bersama agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang diadakan dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terkini berhubung pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi. Hasil bengkel ini juga dikongsikan melalui penerbitan buku Bengkel Pembangunan Kapasiti: Merangka Langkah ke Arah Masa Depan Mampan 2025. Selain itu, antara tiga atau empat projek mikro SDG akan dilaksanakan di setiap kawasan Parlimen dengan peruntukan RM120,000, berdasarkan keperluan setempat yang dikenal pasti melalui kajian pemetaan isu.

APPGM-SDG juga akan memperkukuhkan penglibatan dengan kerajaan negeri dan persekutuan untuk merangka dasar dan polisi program yang inklusif melalui pendekatan usahasama pelbagai pihak berkepentingan. Penubuhan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar bersama pejabat-pejabat daerah terpilih akan terus memacu penyelesaian jangka panjang yang memberi impak bertransformasi dan mampan. Kami menyeru kerjasama berterusan dalam memastikan pelaksanaan yang efektif berkesan dan terukur.

Dengan pendekatan yang sistematik dan berasaskan data, laporan ini bukan sahaja sebagai rujukan, tetapi juga panduan praktikal untuk pembangunan komuniti yang mampanterhadapan. Bersama-sama, marilah kita memastikan tiada sesiapa ketinggalan dalam usaha membina masa depan yang lebih inklusif sejahtera, makmur dan lestari mampan untuk semua rakyat Malaysia.

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.061 Padang Rengas

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN PADANG RENGAS,
YB KAPTEN AZAHARI BIN HASAN



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

24 - 26 Mei 2025
(Jumaat - Ahad)

HARI 1

1. FGD 1: Persatuan Sahabat OKU Padang Rengas
2. FGD 2 : Persatuan Pemilik Dusun Ulu Kongsor Padang Rengas
3. Lawatan Tapak 1 : Kawasan Agro Pelancongan Ulu Kongsor
4. Lawatan Tapak 2: Kawasan Kg Jaya
5. Lawatan Tapak 3: Kawasan Pembuangan Sampah
6. Lawatan Tapak 4: Kawasan Banjir Kilat

HARI 3

12. FGD 7: Komuniti Warga Emas Rumah PAWE
13. Sesi Temubual Secara Mendalam Bersama Wakil Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

HARI 2

7. FGD 3 : Komuniti MYKP
8. Lawatan Tapak 5: Pasaraya Sauk
9. FGD 4 : Pertubuhan Jalinan Bakti Padang Rengas
10. FGD 5: Pertubuhan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman
11. FGD 6 : Komuniti Petani

PASUKAN PENYELIDIK



DR. TEO LEE KEN
(Ketua Penyelidik)



DR. THANARAJ MURUDI
(Ketua Zon Utara, Penyelidik)



SITI NORAIYSAH ROHIM
(Penyelidik)



ROSE HELEN
(Penyelidik)



ZARIZ ZAINAL
(Penyelaras Tempatan)

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 24-26 MEI 2025 (SABTU - ISNIN)



18



26 Mei 2025

Lawatan Tapak 6: Lokasi Strategik Untuk Penempatan Kenderaan Berat

17



26 Mei 2025

FGD 8 : Komuniti Belia

16



26 Mei 2025

Sesi Temubual Mendalam Bersama Wakil Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)



21 JANUARI 2025 - MESYUARAT AWALAN

Satu perjumpaan awalan telah diadakan bersama YB Kapten Azahari bin Hasan, Ahli Parlimen Padang Rengas. YB bersetuju untuk mengadakan lawatan tapak yang dijadualkan sama ada pada 12-14 April atau 19-21 April 2025. Sekretariat APPGM-SDG telah diwakili oleh Dr. Teo Lee Ken, Nurmaisarah Mohd Asri, dan Yoogeswaran Kanis dalam perbincangan ini bagi menyelaraskan gerak kerja lapangan di kawasan Parlimen Padang Rengas.

14 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT PEMROFILAN

Dr. Teo Lee Ken dan Syaza Mazelan telah mengadakan sesi mesyuarat bersama wakil Pejabat YB Padang Rengas, Encik Hisham Husaini dan Encik Haris Awang bagi membentuk profil kawasan. Selain mendapatkan maklumat demografi, isu-isu awal yang dibincangkan termasuk pekerjaan, kemiskinan, perumahan mampu milik, kebolegunaan kemudahan awam, pencemaran, penyelenggaraan infrastruktur, konflik manusia-haiwan, dan pencemaran alam sekitar. Sebagai langkah susulan, kunjungan tidak rasmi ke Pejabat YB akan diadakan pada 19 Februari bagi memperincikan tentatif dan menetapkan tarikh kajian lapangan yang dijadualkan pada minggu kedua April 2025.



19 FEBRUARI 2025 - PERBINCANGAN KAJIAN PEMETAAN SDG PARLIMEN PADANG RENGAS

Perjumpaan bersama Pegawai Daerah Kuala Kangsar, YBrs. Tuan Muhamad Nazri bin Abdullah, telah diadakan bagi membincangkan kajian pemetaan SDG di Parlimen Padang Rengas.



Dr. Teo Lee Ken dan Dr. Thanaraj Murudi membentangkan pengenalan APPGM-SDG serta berkongsi hasil dapatan dan projek solusi yang telah dilaksanakan di Kuala Kangsar pada tahun 2023. Tuan DO menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dan turut memberikan input sosioekonomi berkaitan Padang Rengas. Turut hadir dalam sesi ini adalah Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Dr. Kamarul Lisa binti Hashim. Pemetaan SDG bagi Padang Rengas dijadualkan berlangsung pada April 2025.



FGD 1: PERSATUAN SAHABAT OKU PADANG RENGAS

Sesi FGD 1 bersama Persatuan Sahabat OKU Padang Rengas telah diadakan di Pejabat Ahli Parlimen Padang Rengas. Seramai 7 orang peserta telah menyertai sesi ini. Sepanjang sesi dialog ini juga YB Kapten Azahari bin Hasan (Ahli Parlimen Padang Rengas) dan pegawai-pegawai hadir turut hadir sama. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** Proses kemaskini laporan bantuan tahunan yang rumit dan membebankan OKU; **(2)** peluang pekerjaan yang terhad untuk OKU, menyukarkan kelangsungan hidup mereka; dan **(3)** kekurangan dana program bagi pelaksanaan aktiviti pembangunan dan kesejahteraan komuniti OKU.



FGD 2 : PERSATUAN PEMILIK DUSUN ULU KONGSOR PADANG RENGAS

Sesi FGD 2 bersama Persatuan Pemilik Dusun Ulu Kongsor telah diadakan di Green Stone Campsite, Ulu Kongsor. Seramai 8 orang peserta (pengusaha) telah menyertai sesi ini. Sepanjang sesi dialog ini juga YB Kapten Azahari bin Hasan (Ahli Parlimen Padang Rengas) dan pegawai-pegawai hadir turut hadir sama. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** ketiadaan bekalan elektrik di Ulu Kongsor; **(2)** kegagalan mendapatkan geran tanah bagi pemilik campsite dan dusun; **(3)** kesan pembalakan dan penanaman semula terhadap aliran sungai; dan **(4)** kekangan infrastruktur dalam menyokong ekonomi tempatan.



LAWATAN TAPAK 1 : KAWASAN AGRO PELANCONGAN ULU KONGSOR

Pasukan Penyelidik telah membuat satu lawatan tapak ke Ulu Kongsor yang merupakan lokasi yang kaya dengan keindahan alam semula jadi, dikelilingi oleh dusun buah-buahan, sungai jernih, dan air terjun yang menenangkan. Kawasan ini menawarkan suasana yang damai dan segar, sesuai untuk aktiviti perkhemahan dan rekreasi keluarga. Daya tarikan utamanya termasuk pemandangan hijau yang memukau serta pengalaman mandi-manda di sungai berair sejuk dan jernih. Terdapat 13 chalet dan tapak perkhemahan yang menjadi destinasi bagi mereka yang inginkan keindahan alam. Di samping aliran sungai, air terjun, kehijauan alam, terdapat dusun - dusun seperti durian dan cempedak. Ramai pelancong datang dari luar dan dalam negara. Harapan pengusaha adalah Ulu Kongsor akan terus diperkenalkan untuk peningkatan tarikan bagi kawasan Padang Rengas.



LAWATAN TAPAK 2: KAWASAN KG JAYA

Kampung Jaya merupakan penempatan yang telah wujud sejak lebih 50-60 tahun yang lalu dengan anggaran antara 700 hingga 800 rumah, namun hanya tiga individu yang memiliki geran tanah. Struktur kampung yang tidak teratur menyebabkan rumah dibina terlalu rapat, sistem perparitan tidak sesuai, jalan sempit, dan jarak kediaman yang terlalu dekat antara satu sama lain. Keadaan ini meningkatkan risiko keselamatan seperti kebakaran dan penularan denggi akibat persekitaran yang tidak terurus.



LAWATAN TAPAK 3: KAWASAN PEMBUANGAN SAMPAH

Lawatan ke kawasan pembuangan sampah di sekitar kaki Gunung Pondok mendapati bahawa lokasi ini telah beberapa kali dipindahkan dan kini berada di tapak ketiga. Tapak sedia ada didapati tidak mencukupi, khususnya ketika musim perayaan, sehingga menyebabkan longgokan sampah yang berlebihan. Selain itu, kewujudan beberapa tempat pembuangan sampah di tepi jalan secara tidak sistematik turut menimbulkan isu kebersihan dan mencemarkan imej persekitaran.



LAWATAN TAPAK 4: KAWASAN BANJIR KILAT

Lawatan tapak telah dijalankan ke beberapa kawasan terjejas banjir kilat, termasuk Kg Laneh dan Kg Labu Kubong. Di Kg Laneh, banjir kilat sering berlaku akibat fenomena kepala air dari kawasan berbukit, yang mengambil masa kira-kira 5 jam untuk surut. Walau bagaimanapun, keadaan semakin baik selepas Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaksanakan projek mendalamkan sungai dan membina tebing. Manakala di Kg Labu Kubong pula berpunca daripada sistem perparitan yang tidak mencukupi, di mana saiz parit tidak mampu menampung jumlah air hujan yang tinggi.



FGD 3 : KOMUNITI MYKP CHEGAR GALAH

Sesi FGD 3 bersama komuniti MyKP Chegar Galah telah diadakan di Kg Chegar Galah. Seramai 15 orang peserta telah menyertai sesi ini. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** ketidakupayaan komuniti untuk membayar caj sewa tanah; **(2)** peningkatan kos sara hidup; **(3)** peluang pekerjaan yang terhad; dan **(4)** konflik hidupan liar.



LAWATAN TAPAK 5: PASARAYA SAUK

Para penyelidik telah mengadakan lawatan ke Pasaraya Sauk, iaitu pasaraya pertama milik bumiputera di kawasan Parlimen Padang Rengas. Dalam lawatan ini, para pegawai APPGM-SDG berpeluang bertemu secara langsung dengan pemilik pasaraya, Tuan Mazlan. Kunjungan ini turut memberi peluang kepada penyelidik untuk meneliti inisiatif yang dilaksanakan oleh Parlimen Padang Rengas dalam menyediakan kemudahan perbankan seperti mesin ATM, deposit tunai dan pengeluaran (CRM) di dalam pasaraya ini. Usaha ini bertujuan memudahkan urusan kewangan harian penduduk setempat tanpa perlu ke Bandar Kuala Kangsar yang lebih jauh dari kawasan kampung.




FGD 4 : PERTUBUHAN JALINAN BAKTI PADANG RENGAS

Sesi FGD 4 bersama para ahli Pertubuhan Jalinan Bakti Padang Rengas telah diadakan di Kedai Smith, Pekan Padang Rengas. Seramai 17 orang peserta telah menyertai sesi ini. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** kekurangan penyelenggaraan infrastruktur kawasan setempat; **(2)** sistem perparitan yang tidak sistematik; dan **(3)** kekurangan dana untuk kelestarian pertubuhan.



FGD 5 : PERTUBUHAN PENGANUT DEWI SRI MAHA MARIAMMAN

Sesi FGD 5 bersama komuniti Pertubuhan Penganut Dewi Srii Maha Mariamman telah diadakan di Kuil Sri Maha Mariamman. Seramai 18 orang peserta telah menyertai sesi ini. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** peluang pekerjaan yang terhad; **(2)** pencemaran udara berpunca daripada kilang simen; dan **(3)** tahap sosio-ekonomi komuniti India setempat yang masih rendah.



FGD 6 : KOMUNITI PETANI

Sesi FGD 6 bersama para petani tempatan telah diadakan di Warung Telaga Kota Lama Kiri. Seramai 5 orang peserta telah menyertai sesi ini. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** peningkatan kos input pertanian; **(2)** kekurangan jentera pertanian; dan **(3)** kelewatan pengedaran baja.



FGD 7: KOMUNITI WARGA EMAS RUMAH PAWE

Sesi FGD7 bersama komuniti warga emas telah diadakan di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Daerah Kuala Kangsar. Seramai 14 orang peserta hadir, terdiri daripada Penghulu Mukim Kampung Buايا, ahli jawatankuasa, serta ahli PAWE. Antara isu utama yang dikenal pasti semasa sesi ini ialah: **(1)** kekurangan dana untuk memastikan kelangsungan dan kelestarian aktiviti PAWE; **(2)** lokasi tapak pembuangan sampah yang tidak sistematik dan menimbulkan ketidakselesaan; dan **(3)** penyampaian maklumat kepada komuniti yang kurang jelas, menyeluruh, dan tidak sampai kepada semua lapisan warga emas.



SESI TEMUBUAL SECARA MENDALAM BERSAMA WAKIL PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PDK)

Sesi temubual secara mendalam telah diadakan bersama Penyelia dan Petugas bertempat di PDK Talian Permai. Antara isu yang diketengahkan adalah berkenaan dengan: **(1)** elaun petugas dan penyelia yang masih rendah; **(2)** kekurangan geran peruntukan untuk PDK; dan **(3)** penggunaan sistem dan dokumentasi secara talian membebankan pengurusan PDK.



FGD 8 : KOMUNITI BELIA

Sesi FGD 8 bersama para belia daripada Pertubuhan Pergerakan Amal Bakti. Seramai 4 orang peserta telah menyertai sesi ini. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** kekurangan kemudahan dan tempat riadah untuk belia; dan **(2)** ketiadaan dana dalam kelestarian program untuk belia setempat.

**LAWATAN TAPAK 6: LOKASI STRATEGIK UNTUK PENEMPATAN KENDERAAN BERAT**

Para penyelidik telah melawat ke sebuah lokasi strategik yang dicadangkan sebagai kawasan khusus untuk parkir kenderaan berat, terutamanya lori-lori dari kilang simen YTL. Pada masa ini, kenderaan berat tersebut diletakkan di bahu jalan secara tidak teratur, sekali gus menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk setempat daripada segi keselamatan dan keselesaan.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu P.061 Padang Rengas

Senarai Jadual

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Padang Rengas
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Padang Rengas
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu Sesi Temu Bual Mendalam
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 13	Ringkasan Isu 1
Jadual 14	Ringkasan Isu 2
Jadual 15	Ringkasan Isu 3
Jadual 16	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Singkatan

APPGM-SDG	<i>All-Party Parliamentary Group Malaysia on SDGs</i>
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
BERSATU	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
CADO	<i>Chief Assistant District Officer</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
EIA	<i>Environmental Impact Assessment</i>
FGD	<i>Focus Group Discussion</i>
IPD	Ibu Pejabat Daerah
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
MyKP	My Komuniti Perikanan
NAFAS	Pertubuhan Peladang Kebangsaan
OKU	Orang Kurang Upaya
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PAWE	Pusat Aktiviti Warga Emas
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDK	Pusat Pemulihan dalam Komuniti
PDT	Pejabat Daerah dan Tanah
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPK	Pertubuhan Peladang Kawasan
SDG	<i>Sustainable Development Goals</i>
TOL	<i>Temporary Occupational License</i>
YB	Yang Berhormat
YTL	YTL Corporation

1.0 PENGENALAN

Parlimen Padang Rengas (P.061) merupakan sebuah kawasan parlimen di negeri Perak Darul Ridzuan. Parlimen ini merangkumi dua kawasan dewan undangan negeri, iaitu Chenderoh (N.19) dan Lubok Merbau (N.20). Jumlah penduduk keseluruhan di parlimen Padang Rengas adalah 38,295 orang (setakat mengikut MyCensus 2020), dan mempunyai sejumlah 38,686 pengundi berdaftar (setakat pilihanraya umum yang ke-15).



**YB Kapten Azahari
Hasan**

Ahli Parlimen pada waktu kini adalah Yang Berhormat Kapten Azahari Hasan daripada Parti BERSATU. Manakala Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chenderoh adalah Yang Berhormat Syed Lukman Hakim Syed Mohd Zin, daripada Parti BERSATU, dan ADUN Lubok Merbau Yang Berhormat Azizi Mohamed Ridzuan daripada Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Pada pilihanraya umum yang ke-15 pada tahun 2022, YB Kapten Azahari Hasan memperolehi undi sebanyak 12,931 dengan calon UMNO-BN, Mohd Arrif Abdul Majid, memperolehi 9,885 undi dan calon PKR-PH, Muhammad Kamil Abdul Munim mendapat 7,062 undi.

Secara geografinya, Parlimen Padang Rengas bersempadan dengan Parlimen Larut dan Lenggong di arah utara, Parlimen Sungai Siput di sebelah timur, Parlimen Taiping dan Bukit Gantang di arah barat, dan Parlimen Kuala Kangsar ke arah selatan. Dalam konteks pentadbiran awam dan kerajaan, Parlimen Padang Rengas terletak dalam daerah Kuala Kangsar.

1.1 Geografi/Topografi

Kawasan Parlimen Padang Rengas (P.061) terletak bersebelahan dengan Parlimen Larut (P.056) dan Parlimen Lenggong (P.055) di bahagian utara, Parlimen Sungai Siput (P.062) ke arah timur, Parlimen Kuala Kangsar (P.067) di bahagian selatan dan Parlimen Taiping (P.060) serta Parlimen Bukit Gantang (P.059) ke arah barat.

Daripada segi pentadbiran awam dan kerajaan, Parlimen Padang Rengas terletak dalam kawasan daerah Kuala Kangsar dan berada di bawah tatakelola Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar. Daerah Kuala Kangsar disempadani oleh daerah Hulu Perak di utara, daerah Kerian di barat, dan Daerah Perak Tengah serta Kinta di bahagian selatan. Selain Parlimen Padang Rengas, Parlimen Kuala Kangsar juga berada dalam lingkungan daerah Kuala Kangsar.

Daerah Kuala Kangsar, serta Parlimen Padang Rengas secara umumnya merangkumi kawasan hijau yang kaya dengan alam flora dan fauna, dan dikelilingi tanah bergunung

dan laluan sungai. Ini digambarkan melalui dapatan guna tanah daerah Kuala Kangsar pada 2020, di mana daripada jumlah keluasan 256,150.58 hektar, 65.74 peratus atau 168,399.70 hektar terdiri daripada kawasan hutan, dan 26.63 peratus atau 68,216.21 hektar meliputi kawasan pertanian.

Mengikut Draf Rancangan Tempatan Daerah, pada tahun 2020 Kuala Kangsar mempunyai 177,500 orang penduduk. Di daerah ini, terdapat 9 mukim, iaitu Kampong Buaya, Lubok Merbau, Kota Lama Kiri, Chegar Galah, Kota Lama Kanan, Sayong, Pulau Kamiri, dan Sungai Siput. Di Parlimen Padang Rengas, terdapat 4 mukim, iaitu Kampong Buaya, Lubok Merbau, Kota Lama Kiri, dan Chegar Galah. Parlimen ini juga mempunyai 3 pekan, iaitu Pekan Sauk, Pekan Kati, dan Pekan Padang Rengas. Pada masa yang sama, terdapat sejumlah 45 kawasan kampung di Parlimen Padang Rengas.

Jumlah keseluruhan penduduk di daerah Kuala Kangsar diunjurkan untuk mencapai 186,000 orang pada tahun ini, iaitu tahun 2025, 197,000 orang pada tahun 2030, dan 210,000 orang pada tahun 2035.

1.2 Komposisi Penduduk

Kawasan Parlimen Padang Rengas merangkumi jumlah 38,294 orang. Daripada jumlah angka ini, 37,426 atau 97.7 peratus adalah warganegara manakala 868 atau 2.3 peratus adalah bukan warganegara. Kepadatan penduduk adalah sebanyak 97 per kilometer persegi.¹ Kawasan DUN Chenderoh diduduki oleh 16,881 orang, manakala DUN Lubok Merbau diduduki oleh 21,413 penduduk. Daripada jumlah keseluruhan penduduk warganegara ini, 82.6 peratus atau 30,914 orang terdiri daripada penduduk etnik Melayu, 11.9 peratus atau 4,454 orang terdiri daripada penduduk etnik Cina, dan 5.2 peratus atau 1,946 orang terdiri daripada penduduk etnik India. Penduduk yang beretnik selain daripada tiga etnik ini merangkumi 0.2 peratus atau 75 orang daripada jumlah keseluruhan penduduk di Padang Rengas.²

Daripada segi jumlah perbandingan antara jantina, 19,242 adalah golongan lelaki. Manakala 19,052 adalah golongan wanita. Kalau dibahagikan mengikut lingkungan umur, sejumlah 27.1 peratus atau 10,142 orang berada dalam lingkungan umur 0-14 tahun, 63.3 peratus atau 23,691 orang tergolong dalam lingkungan 15-64 tahun, dan 9.6 peratus atau 3,593 orang berada dalam lingkungan umur 65 tahun dan ke atas.

¹ Jabatan Perangkaan Malaysia: Padang Rengas, 2022

² Dengan margin perbezaan sebanyak 0.1 peratus berdasarkan statistik sedia ada

Jadual 1. Komposisi Penduduk di Parlimen Padang Rengas

BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.
1.	Melayu	30,914	82.6
2.	Cina	4,454	11.9
3.	India	1,946	5.2
4.	Lain-lain	75	0.2
JUMLAH KESELURUHAN		37,426*	100

* margin perbezaan 0.1 peratus

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2022)

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Di Parlimen Padang Rengas, antara kegiatan ekonomi utama yang dijalankan adalah bidang pertanian. Ini termasuk kegiatan penanaman berskala kecil dan sederhana seperti tanaman durian, buah-buahan tempatan, dan sawah padi. Selain itu, terdapat juga penangkapan ikan sungai secara berskala kecil di kawasan Sungai Perak yang mengalir melalui kampung-kampung seperti Kampung Chegar Galah. Kalau kita merujuk kepada peta guna tanah daerah Kuala Kangsar pada tahun 2020, sebahagian besar kawasan guna tanah di sekitar Padang Rengas adalah tertumpu kepada kegunaan atau sektor pertanian, iaitu sejumlah 26.63 peratus daripada jumlah keseluruhan kawasan guna tanah di daerah Kuala Kangsar. Mengikut laporan Jabatan Perangkaan pada tahun 2022, terdapat 30 pertubuhan atau syarikat perniagaan yang menjalankan usaha-usaha pertanian, perhutanan dan perikanan. Sektor tanaman mempunyai jumlah entiti perusahaan yang paling tinggi, diikuti sektor ternakan, dan kemudiannya sektor perhutanan dan pembalakan. Dalam konteks tanaman pertanian, penghasilan buah durian adalah yang tertinggi, diikuti oleh kubis bulat, buah nanas, tomato, sayur-sayur sawi, timun, cili, dan akhirnya buah mangga. Hubungan antara kegiatan ekonomi pertanian dan konteks serta latar geografi semula jadi Padang Rengas, menjadikannya penting walaupun angka rasmi bilangan pertubuhan adalah direkodkan sebagai 30 sahaja dan lebih rendah berbanding jumlah entiti yang terlibat dalam kegiatan atau sektor ekonomi lain.

Selain bidang pertanian, kegiatan ekonomi lain yang mustahak atau signifikan adalah bidang perkhidmatan. Laporan Perangkaan yang sama mencatatkan bahawasanya terdapat 644 entiti yang terdiri daripada pertubuhan dan syarikat perniagaan yang terlibat dalam bidang perkhidmatan. Daripada jumlah 644 entiti yang sedia ada, bilangan yang tinggi, iaitu 260, terlibat dalam bidang perdagangan borong dan runcit serta pembaikan kenderaan bermotor dan motorsikal. Terdapat 47 entiti yang menjalankan aktiviti atau perusahaan kedai runcit, manakala 179 lagi menjalankan aktiviti lain-lain. Selain itu, bidang lain yang juga mencatatkan bilangan entiti atau perusahaan yang tinggi adalah aktiviti yang berhubung dengan makanan dan minuman, dan gerai atau penjaja

makanan dan minuman. Sejumlah 220 entiti terlibat dalam usaha perkhidmatan makanan dan minuman, manakala terdapat sejumlah 120 entiti yang menjalankan usaha khidmat gerai atau menjaja makanan dan minuman.

Pengamatan dan juga keadaan semasa struktur dan hubungan sosio-ekonomi penduduk tempatan di Parlimen Padang Rengas membawa kita untuk mengenal pasti beberapa rumusan atau perkara pokok.

Pertamanya, pertanian dan ekonomi berasaskan alam semula jadi, atau apa yang barangkali dapat dikenalpasti sebagai ekonomi hijau, adalah kunci kepada pembangunan kawasan dan penduduk Padang Rengas. Aktiviti seperti tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan, antaranya, dan eko-pelancongan merupakan sumber penjana pendapatan yang penting untuk kesejahteraan masyarakat tempatan.

Keduanya, sektor perusahaan atau perniagaan skala kecil dan persendirian adalah signifikan. Sekiranya kegiatan ekonomi hijau terbentuk hasil daripada ciri-ciri semula jadi Padang Rengas, aktiviti keusahawanan dan pengeluaran industri perumahan (*cottage industry*) berkembang hasil daripada trajektori pembinaan ekonomi di kawasan Padang Rengas yang belum diserapkan sepenuhnya ke dalam perkembangan ekonomi moden dan arus perdana yang lebih dominan. Oleh itu, hasil ekonomi adalah umumnya untuk kegunaan sara diri atau untuk kejiranan dan perumahan setempat sahaja.

Yang ketiga dan terakhir, berkait dengan intervensi dan program pembangunan ekonomi. Program ekonomi atau pembangunan yang dijalankan harus mengambil kira realiti sosial, keadaan hakiki dan keperluan serta kapasiti sosio-ekonomi-ekologi penduduk tempatan. Oleh kerana wujud faktor-faktor yang dibincangkan di atas, yakni struktur dan hubungan ekonomi tempatan yang berskala kecil, kemasukan pelaburan dan perbelanjaan dana awal harus bertitik tolak daripada sifat dan ciri perusahaan yang bersifat kecilan. Dan daripada asas ini, kemudiannya menyasarkan untuk membina peningkatan pengeluaran serta jaringan pemasaran. Selain itu, pada masa sama, menjalankan program yang dapat membina kapasiti, umpamanya kemahiran, penduduk-penduduk tempatan agar dapat berkembang seiring dengan tuntutan pengeluaran dan pasaran.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Padang Rengas merupakan daripada segi alam persekitaran merupakan kawasan yang dikelilingi oleh alam semula jadi, yakni hutan-hutan hijau dan juga laluan sungai. Landskap kawasan Padang Rengas juga pelbagai dengan campuran tanah-tanah landai dan rata, dan juga tanah yang tinggi dan bergunung. Daripada segi landskap sosioekonomi yang wujud di Padang Rengas, kawasan ini merangkumi sektor-sektor

pelancongan, pertanian dan perniagaan atau perusahaan sosial yang bersifat skala kecil-kecilan. Pemerhatian di pekan Padang Rengas dan kawasan-kawasan di sekitarnya memaparkan aktiviti tanaman seperti sawah padi, kelapa sawit, tanaman sayuran dan buah-buahan. Dalam konteks perniagaan, Padang Rengas mengandungi peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti penjualan dan penghasilan makanan, peruncitan, dan perkhidmatan. Aktiviti perkhidmatan turut berkait rapat dengan bidang pelancongan khususnya bersandarkan alam semula jadi dan ketenangan dan keaslian cara kehidupan yang tiada di kota-kota dan bandar-bandar besar.

Berasaskan konteks dan latar belakang ini, terdapat beberapa matlamat pembangunan mampan, atau SDGs (*sustainable development goals*), yang terkait dan penting khususnya untuk Parlimen dan warga Padang Rengas.

Matlamat yang pertama, adalah **SDG 15**: Melindungi, memulihkan dan mempromosikan penggunaan ekosistem daratan secara lestari, menguruskan hutan-hutan secara lestari, membanteras proses penggurunan, menghentikan dan menterbalikkan degradasi tanah dan menghentikan kehilangan biodiversiti. Lebih khusus lagi, adalah **sasaran 15.4** di bawah matlamat ini yang menjelaskan supaya 'menjelang 2030, untuk memastikan pemeliharaan ekosistem pergunungan, termasuk biodiversiti yang sedia ada, supaya dapat meningkatkan upayanya untuk memberikan manfaat yang penting untuk pembangunan mampan.' Selain itu, **sasaran 15.a** juga menyatakan supaya perlunya 'mengerakkan dan meningkatkan secara ketara sumber kewangan daripada semua asal sumber bagi memelihara dan menggunakan secara lestari biodiversiti dan ekosistem-ekosistem yang sedia ada.'

Berhubungan dengan konteks sosio-ekonomi Padang Rengas, matlamat selanjutnya yang relevan adalah **SDG 8**: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang berkekalan, inklusif dan mampan, guna tenaga kerja yang penuh dan produktif dan pekerjaan yang bermartabat untuk semua. Ini bagi mengetengahkan kepentingan perniagaan dan perusahaan sosial dan kecil, seperti **sasaran 8.3** yang menjelaskan supaya perlu 'menggalakkan dasar-dasar berpandukan pembangunan yang menyokong aktiviti-aktiviti produktif, pembentukan pekerjaan yang bermartabat, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, dan menggalakkan formalisasi dan perkembangan perusahaan-perusahaan mikro-, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.' Disebabkan hubungan antara pelancongan dan alam semula jadi, maka **sasaran 8.9** juga mustahak, yakni 'menjelang 2030, membentuk dan melaksanakan dasar-dasar untuk promosi pelancongan mampan yang mewujudkan pekerjaan dan mempromosikan budaya dan produk setempat.

Selain SDG 8, adalah keberkaitan **SDG 2**: Menghentikan kelaparan, mencapai keterjaminan makanan dan nutrisi lebih baik dan mempromosikan pertanian mampan. Untuk memajukan sektor pertanian dan tanaman yang asas, **sasaran 2.3** dapat dijadikan panduan dan merujuk kepada usaha supaya 'menjelang 2030, mendua kali gandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya golongan wanita, orang asli, petani berkelompok, penternak dan nelayan, termasuk melalui akses yang saksama dan terjamin kepada tanah, sumber dan input produktif yang lain, ilmu, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang untuk penambahan nilai dan pekerjaan tidak berasaskan perladangan.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian yang sedia ada merangkumi beberapa unsur, seperti contohnya: 1) mesyuarat awalan; 2) mesyuarat untuk pembentukan profil kawasan parlimen; 3) pra-lawatan dan perjumpaan bersama dengan Pegawai Daerah; 4) kajian lapangan pemetaan isu di kawasan parlimen tersebut; dan 5) sesi dialog antara agensi, yang berlangsung di peringkat daerah dan dipengerusikan Pegawai Daerah.

Mesyuarat awalan bersama YB Kapten Azahari Hasan dijalankan pada 21hb Januari 2025, di pejabat APPGM-SDG di Petaling Jaya. Mesyuarat ini bertujuan untuk memberikan penerangan berkenaan proses lokasi SDG, dan proses kajian lapangan di Parlimen Padang Rengas. Mesyuarat ini dihadiri oleh Dr. Teo Lee Ken, selaku ketua penyelidik bagi Parlimen Padang Rengas, Nurmaisarah Mohd Asri, dan Yoogeswaran Kanis.

Selepas mesyuarat ini, pada 14hb Februari 2025, Dr Teo Lee Ken dan Nurul Syaza daripada APPGM-SDG telah menjalankan mesyuarat atas talian bersama Tuan Hisham Husaini dan Tuan Haris Awang daripada Pejabat Parlimen Padang Rengas untuk mendapatkan latar belakang dan demografi Parlimen Padang Rengas, dan isu-isu berkaitan sosial, ekonomi, alam sekitar dan tadbir urus yang dihadapi oleh warga tempatan di kawasan tersebut.

Lanjutan daripada itu, satu proses pra-lawatan dan mesyuarat diatitkan bersama Pegawai Daerah bagi daerah Kuala Kangsar, Tuan Muhamad Nazri Abdullah, di mana Parlimen Padang Rengas terangkum, untuk memberikan taklimat berkenaan skop gerak kerja yang dijalankan APPGM-SDG, termasuk dengan kajian lapangan bagi Parlimen Padang Rengas. Ini berlangsung pada 19hb Februari 2025, dan berasaskan pendekatan *multi-stakeholder* APPGM-SDG yang melalui proses lokalisasi SDG membawa bersama semua pihak berkepentingan utama yang masing-masing mewakili pihak Parlimen, kerajaan persekutuan dan juga kerajaan daerah. Ini agar isu-isu tempatan yang dihadapi

warga Padang Rengas dapat dikenal pasti dan ditangani secara multi sektoral dan multi dimensi.

Setelah tahap ini dilaksanakan, kajian lapangan untuk pemetaan isu di Parlimen Padang Rengas dijalankan dari 24hb Mei 2025 sehingga 26hb Mei 2025. Pasukan penyelidik yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada:

1. Dr. Teo Lee Ken : Ketua Penyelidik
2. Dr. Thanaraj Murudi : Pembantu Penyelidik
3. Siti Noraiysah Rohim : Pembantu Penyelidik
4. Rose Helen Ambrose : Pembantu Penyelidik
5. Zariz Zainal : Pembantu Penyelidik

Secara keseluruhannya, 8 sesi dialog atau perbincangan kumpulan fokus, 1 sesi temu bual secara mendalam, dan 6 lawatan tapak dilaksanakan sepanjang kajian lapangan 3 hari berkenaan. Program untuk kajian yang dijalankan dapat dirujuk seperti di *Jadual 2*:

Jadual 2. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Padang Rengas

TARIKH	PERKARA
24 Mei 2025 , Sabtu	<ul style="list-style-type: none"> ● Sesi Dialog 1 bersama Persatuan Sahabat OKU Padang Rengas ● Sesi Dialog 2 bersama Persatuan Pemilik Dusun Ulu Kongsor, Padang Rengas ● Lawatan Tapak 1 di Kawasan Agro-pelancongan Ulu Kongsor ● Lawatan Tapak 2 di Kawasan Kg Jaya ● Lawatan Tapak 3 di Kawasan Pembuangan Sampah, Sekitar Padang Rengas ● Lawatan Tapak 4 di Kawasan Banjir Kilat
25 Mei 2025 , Ahad	<ul style="list-style-type: none"> ● Sesi Dialog 3 bersama Komuniti MyKP Chegar Galah ● Lawatan Tapak 5 di Pasaraya Sauk, Padang Rengas ● Sesi Dialog 4 bersama Pertubuhan Jalinan Bakti Padang Rengas ● Sesi Dialog 5 bersama Pertubuhan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman ● Sesi Dialog 6 bersama Komuniti Petani, Padang Rengas
26 Mei 2025 , Isnin	<ul style="list-style-type: none"> ● Sesi Dialog 7 bersama Komuniti Warga Emas Rumah PAWE, Kuala Kangsar ● Sesi Temu Bual Mendalam: Wakil-wakil PDK Talian Permai, Padang Rengas

TARIKH	PERKARA
	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi Dialog 8 bersama Komuniti Belia Pertubuhan Pergerakan Amal Bakti • Lawatan Tapak 6 di Lokasi Strategik untuk Penempatan Kenderaan Berat/Industri
17 Jun 2025, Selasa	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi Dialog antara Agensi bersama Pejabat Daerah Kuala Kangsar

Satu mesyuarat dialog antara agensi juga dijalankan pada 17hb Jun 2025, dan dipengerusikan oleh Dr. Kamarul Liza binti Hashim, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar. Agenda mesyuarat ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas pejabat daerah dan juga agensi-agensi kerajaan berkenaan isu-isu yang telah dikenal pasti dan dicatatkan oleh pasukan penyelidik. Mesyuarat ini dihadiri oleh Siti Noraiysah Rohim, sebagai pembentang, dan disertai juga Dr Thanaraj Murudi, Rose Helen dan Azura.

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Padang Rengas, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Daripada segi kekangan, proses kajian lapangan oleh pasukan APPGM-SDG menghadapi dua kekangan utama. Yang pertamanya, adalah berhubung dengan penetapan masa yang sesuai untuk berjumpa dengan komuniti-komuniti tempatan tertentu. Ini disebabkan oleh kerja hakiki dan tanggungjawab harian yang dipikul oleh peserta-peserta yang mewakili komuniti-komuniti berbeza ini. Antara contoh adalah seperti tanggungjawab bekerja dan mencari sumber pendapatan, dan juga seperti peranan untuk menjaga keperluan keluarga seperti menjaga anak. Faktor ini menyebabkan ada kalanya sesi FGD perlu ditukar masa dan tempat. Bilangan peserta juga mengalami perubahan daripada segi jumlah.

Kekangan yang kedua, dan barangkali kerap dihadapi oleh pasukan kajian lain dalam kajian lapangan pemetaan isu yang berlainan, adalah daripada segi masa untuk sesi FGD. Ini kerana tempoh masa yang diperuntukkan walaupun sudah cukup singkat, tidak digunakan bagi tujuan perbincangan atau FGD sahaja. Dalam tempoh masa ini, terdapat juga aktiviti-aktiviti yang sampingan seperti berbual santai dan juga berkongsi dan

menerima jamuan. Secara kesannya, ia akan mendorong pasukan kajian untuk lebih peka terhadap sempadan masa, dan oleh itu apabila sudah mula berbincang dan ketika perbincangan fokus akan diberikan kepada persoalan dan interaksi yang berhubung langsung dengan usaha untuk mencungkil isu-isu tempatan dan keperluan komuniti-komuniti terlibat.

2.4 Keterbatasan Kajian

Skop dan dapatan kajian lapangan di Parlimen Padang Rengas dibatasi oleh ketidakupayaan kajian dan pasukan kita untuk menjangkau kelompok sasaran yang lebih pelbagai dan dinamis. Umpamanya, golongan ibu dan wanita dan keperluan mereka belum dapat didokumenkan secara langsung lagi. Selain itu, terdapat juga golongan lain seperti kelompok peniaga, kelompok petani yang berbeza selain petani sawah padi, dan kelompok penduduk tempatan beretnik Cina.

Di samping itu sepanjang kajian lapangan dijalankan, terdapat kelompok sasaran yang walaupun dilibatkan, ia hanya terdiri atau mengambil daripada satu komuniti atau latar organisasi sahaja. Sebagai contoh, untuk golongan belia, terdapat satu FGD sahaja di mana semua pesertanya adalah daripada suatu persatuan. Contoh lain adalah seperti komuniti OKU, yang mana peserta-peserta yang hadir dalam FGD yang dijalankan juga adalah daripada satu persatuan yang sama.

Walaupun demikian, sama ada terdapat golongan yang tidak dilibatkan atau golongan yang terlibat berasal daripada organisasi atau persatuan yang sama, ini tidak mengurangkan pentingnya laporan kajian ini. Dan dapatan yang dicatatkan yang diperolehi daripada setiap kelompok sasaran menerusi setiap sesi FGD. Hasil dapatan yang diperolehi perlu diambil berat supaya realiti sosial tempatan dan keperluan penduduk tempatan dapat dikenalpasti, dan lebih penting lagi program-program intervensi boleh dilaksanakan untuk menangani dan mengatasi permasalahan-permasalahan yang berlaku. Laporan ini juga dapat dijadikan sebagai asas dan perintis untuk kajian lanjutan yang perlu dilaksanakan di Parlimen Padang Rengas agar dapat meneliti dan melaksanakan program pembangunan yang membawa kepada transformasi sosial, ekonomi, alam sekitar dan budaya dalam lingkungan kehidupan penduduk Padang Rengas.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah dua isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Kekurangan ruangan/kemudahan yang sesuai untuk kegunaan organisasi komuniti, dan juga untuk tempat riadah bagi masyarakat setempat.	<p>Persatuan OKU pada masa kini tidak mempunyai pejabat atau pusat aktiviti yang tetap.</p> <p>Komuniti Toh Muay yang aktif dan terbina daripada akar umbi belia tempatan tidak mempunyai kemudahan atau pusat rekreasi yang bersesuaian untuk menjalankan latihan.</p> <p>Kemudahan dan aktiviti yang dijalankan ini penting untuk memastikan golongan belia tidak terlibat dalam aktiviti anti-sosial.</p>	<p>Sosial</p> <p>Tadbir</p> <p>Urus</p>	<p>Komuniti OKU, Persatuan Sahabat OKU</p> <p>Komuniti Belia, Persatuan Toh Muay Padang Rengas</p>	Padang Rengas	<p>SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan Sasaran 11.a - Perancangan pembangunan negara dan wilayah yang kukuh</p> <p>SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat Sasaran 17.17 - Menggalakkan kerjasama berkesan</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
2.	<p>Peluang pekerjaan yang terhad untuk OKU, menyukarkan kelangsungan hidup mereka. Peluang pekerjaan yang terhad bagi golongan wanita dan ibu. Peluang pekerjaan yang terhad secara umum.</p>	<p>Terdapat OKU yang walaupun mendapat pendidikan tinggi seperti sijil atau diploma, gagal mendapat pekerjaan selepas menghadiri temuduga. Kesannya, reaksi komuniti OKU adalah tiada manfaat untuk sambung pelajaran tinggi.</p> <p>Kelompok wanita di Ulu Kongsor maklumkan bahawa di sini terdapat ramai suri rumah dan wanita yang bekerja secara sendiri. Kebanyakan daripada mereka menjalankan aktiviti perniagaan secara atas talian. Sektor ekonomi yang ada juga terhad, dengan ada satu sahaja kilang di sini, iaitu kilang YTL.</p>	<p>Ekonomi</p> <p>Sosial</p>	<p>Komuniti OKU, Persatuan Sahabat OKU</p> <p>Persatuan Pemilik Dusun, Ulu Kongsor</p>	Padang Rengas	<p>SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi</p> <p>Sasaran 8.3 - Menggalakkan dasar utk menyokong penciptaan pekerjaan dan perusahaan yang sedang berkembang</p> <p>Sasaran 8.5 - Kadar pekerjaan penuh dan kerja yang layak dengan gaji yang sama</p> <p>Sasaran 8.9 - Menggalakkan pelancongan yang bermanfaat dan mampan</p> <p>SDG 1: Tiada Kemiskinan</p> <p>Sasaran 1.4 - Hak sama rata untuk pemilikan, perkhidmatan asas, teknologi dan sumber ekonomi</p> <p>Sasaran 1.b - Mewujudkan rangka kerja dasar pembasmian kemiskinan di semua peringkat</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		<p>Komuniti di Chegar Galah khususnya golongan wanita tidak mempunyai akses kepada peluang pekerjaan. Golongan wanita di kampung tidak mempunyai pekerjaan tetap dan bekerja sendiri.</p> <p>Akses kepada peluang pekerjaan yang terhad merupakan isu kritikal di Padang Rengas. Ini menyebabkan penduduk tempatan berhijrah ke tempat lain seperti Taiping dan Ipoh untuk mencari kerja.</p>		<p>Komuniti Nelayan Darat, MyKP Chegar Galah, Wanita Kampung Chegar Galah</p> <p>Komuniti India, Pertubuhan Penganut Dewi Sri Mariamman</p>		
3.	Kekurangan pusat pengumpulan sampah yang baik, dan juga	Tiada pusat pengumpulan sampah yang sistematik di Padang Rengas. Kawasan semasa yang digunakan adalah di persekitaran kawasan kaki Gunung	<p>Alam Sekitar</p> <p>Sosial</p>	Komuniti Pekan dan Penduduk Kampung	Padang Rengas	<p>SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari</p> <p>Sasaran 11.6 - Mengurangkan kesan alam sekitar bandar</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
	penyelenggaraan	Pondok. Terdapat juga anjing liar pada waktu malam yang menyebabkan sampah berselerak. Air dari kawasan sampah juga bertakung dan menyebabkan pencemaran.				SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera Sasaran 3.9 - Mengurangkan penyakit dan kematian akibat bahan kimia berbahaya dan pencemaran
4.	Kesan aktiviti pembalakan dan penanaman semula pokok untuk pembalakan berulang terhadap aliran sungai	Aktiviti ini memberi kesan yang negatif terhadap pemeliharaan semula jadi kawasan hutan dan habitat seperti kehilangan kawasan hijau dan biodiversiti, dan pencemaran air. Ianya juga memberi kesan negatif kepada kawasan perusahaan sosial dan aktiviti pengusaha dusun dan <i>campsite</i> .	Alam Sekitar Tadbir Urus	Komuniti Pemilik Dusun	Ulu Kongsor	SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi Sasaran 6.6 - Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air SDG 15: Kehidupan di Darat Sasaran 15.4 - Memastikan pemuliharaan ekosistem gunung
5.	Kurangnya hubungan libat urus dan koordinasi	Hubungan penyampaian maklumat dan penerimaan maklum balas antara kelompok komuniti dan	Tadbir Urus Sosial	Komuniti OKU, Persatuan Sahabat OKU	Padang Rengas	SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
	masyarakat akar umbi	golongan rentan tidak terbentuk, dan berlaku kesenjangan kuasa dan pentadbiran.		Komuniti Petani Komuniti Belia, Persatuan Toh Muay Padang Rengas Komuniti Nelayan Darat, MyKP Chegar Galah		Sasaran 16.6 - Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus Sasaran 16.7 - Memastikan pembuatan keputusan yang responsif, inklusif dan berperwakilan SDG 17: Kerjasama untuk Matlamat Sasaran 17.17 - Menggalakkan kerjasama berkesan

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog bersama Persatuan Sahabat OKU Padang Rengas Tarikh: 24 Mei 2025 Bilangan peserta: 7 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 1 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
1.	Sistem sokongan bantuan sosial yang tidak mesra OKU dan orang awam	<p>Komuniti OKU berpandangan bahawa proses kemaskini laporan untuk mendapatkan bantuan bulanan (elaun bekerja dan elaun tidak bekerja) adalah rumit dan membebankan OKU.</p> <p>Kemaskini ini perlu dijalankan setiap tahun, dengan penyerahan laporan tahunan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).</p> <p>Segelintir komuniti menghadapi kesusahan untuk memenuhi syarat atau melaksanakan proses ini kerana kurangnya upaya fizikal atau mental atau bantuan luar.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
2.	Peluang pekerjaan yang terhad untuk OKU, menyukarkan kelangsungan hidup mereka.	Terdapat OKU yang walaupun mendapat pendidikan tinggi seperti sijil atau diploma, gagal mendapat pekerjaan selepas menghadiri temuduga. Kesannya, reaksi komuniti OKU adalah tiada manfaat untuk sambung pelajaran tinggi.	Wakil JKJ memaklumkan bahawa pihak mereka tidak menyediakan program khusus untuk penempatan kerja, tetapi hanya mengeluarkan surat pengesahan bantuan untuk tujuan sokongan. Maklumat berkaitan pekerjaan mungkin perlu

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Mengikut pandangan komuniti, kadar nisbah OKU yang berjaya sangat kecil, seperti 1 atau 2 orang bagi setiap 50 orang yang hadir temuduga.</p> <p>Bagi mereka yang tidak mendapat kerja, mereka juga tidak mendapat respon. Ini berlaku juga di sektor pekerjaan awam.</p>	<p>dirujuk kepada agensi lain seperti Jabatan Tenaga Kerja atau NGO berkaitan.</p>
3.	<p>Kekurangan dana program bagi pelaksanaan aktiviti pembangunan dan kesejahteraan komuniti OKU.</p>	<p>Ketiadaan sumber dana atau pendapatan yang mampan antara cabaran yang utama bagi persatuan menjalankan aktiviti dan program yang dapat membantu golongan OKU di Padang Rengas</p> <p>Dana minimum yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti dan program persatuan sahaja setiap tahun dianggarkan sejumlah RM6,000-RM10,000, dan keseluruhannya anggaran sebanyak RM20,000 diperlukan.</p>	<p>Wakil dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberikan maklum balas terhadap isu kekurangan dana dan kemudahan yang dihadapi oleh Persatuan Sahabat OKU di Padang Rengas. Permohonan geran terdahulu pada tahun 2002 tidak dapat diproses kerana tempoh operasi persatuan yang belum mencukupi. Namun begitu, pada tahun semasa, permohonan semula boleh dikemukakan memandangkan persatuan tersebut sudah memenuhi syarat minimum operasi tiga tahun. Geran JKM merangkumi bantuan pembangunan komuniti, termasuk bayaran sewa bangunan dan gaji petugas, tertakluk kepada kelulusan dan penilaian dari Ibu Pejabat (HQ) dan proses permohonan hanya memerlukan dokumen sokongan dan akan diproses oleh unit berkaitan di pejabat JKM daerah.</p>
4.	<p>Kekurangan ruangan yang sesuai untuk menjalankan</p>	<p>Persatuan pada masa kini tidak mempunyai pejabat atau pusat aktiviti yang tetap.</p>	<p><i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i></p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	pengurusan dan aktiviti persatuan	Tempat yang digunakan sekarang untuk perbincangan dan aktiviti adalah surau di kawasan kediaman perumahan.	
5.	Kurangnya hubungan libat urus dan koordinasi masyarakat akar umbi	<p>Komuniti OKU di sini berpandangan bahawa hubungan antara agensi-agensi tempatan kerajaan dan organisasi awam seperti persatuan OKU.</p> <p>Ini berbeza dengan hubungan antara, contohnya, JKM dan PDK.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
<p>FGD 2: Dialog bersama Persatuan Pemilik Dusun Ulu Kongsor, Padang Rengas Tarikh: 24 Mei 2025 Bilangan peserta: 8 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan</p>			<p>Agensi yang memberikan maklum balas:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. PDT Kuala Kangsar 2. Penghulu Mukim 3. Jabatan Perhutanan 4. Jabatan Alam Sekitar
1.	Ketiadaan bekalan elektrik di Ulu Kongsor.	<p>Antara cabaran utama kepada pengusaha di sini adalah untuk mendapatkan bekalan elektrik dan stabil dan konsisten.</p> <p>Komuniti difahamkan bahawa memerlukan dana yang besar, sejumlah RM300,000 dan lebih, untuk melantik kontraktor bagi menjalankan penilaian dan pemetaan yang diperlukan sebelum boleh memohon untuk mendapatkan bekalan elektrik yang sistematik.</p>	<p>CADO (Tanah) mengatakan telah lama menjadi isu berbangkit sejak zaman pentadbiran terdahulu. Isu utama - kekurangan bekalan elektrik dan ketidakpatuhan kepada syarat guna tanah.</p> <p>Kawasan Ulu Kongsor pada asalnya kawasan ladang (estate) yang kini telah berkembang menjadi pusat pelancongan semula jadi seperti glamping dan chalet, namun masih menggunakan status tanah pertanian. Kekangan utama ialah kegagalan menukar syarat tanah kepada zon pelancongan secara rasmi.</p> <p>Satu lagi halangan utama - lokasi pengusahaan glamping yang sering terletak di kawasan rizab sungai, yang berada di bawah bidang kuasa JPS. Oleh kerana sungai di kawasan ini membekalkan air kepada penduduk Kuala Kangsar, JPS sangat berhati-hati dan biasanya tidak meluluskan permohonan penggunaan kawasan rizab untuk aktiviti pelancongan kerana bimbang pencemaran akibat sisa kumbahan dan gangguan kepada ekosistem air.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>CADO (Tanah) menjelaskan bahawa kerajaan negeri kini sedang berusaha untuk mengenal pasti kawasan yang padat dengan aktiviti pelancongan bagi diberikan pajakan tanah rizab (PTR) secara rasmi kepada pengusaha. Ini akan membolehkan pengusaha memohon sambungan elektrik daripada TNB secara sah. Namun, proses ini rumit kerana memerlukan pemetaan terperinci dan melibatkan kos tinggi, bukan sekadar RM300,000, malah mungkin mencecah jutaan ringgit. Selain elektrik, WiFi pernah dibekalkan ke kawasan tersebut semasa lawatan rasmi (PMX), namun sehingga kini sambungan elektrik masih belum dapat direalisasikan kerana isu keselamatan dan pemilikan tanah.</p> <p>CADO (Pembangunan) mengatakan bahawa aspek keselamatan turut menjadi sebab TNB belum meluluskan sambungan elektrik ke kawasan glamping kerana terdapat struktur binaan yang tidak sah serta potensi risiko kebakaran dan kemalangan.</p>
2.	Kegagalan mendapatkan geran tanah bagi sebahagian pemilik <i>campsite</i> dan dusun.	Komuniti pengusaha di sini merangkumi antara mereka yang mempunyai hak milik tanah, dan mereka yang tidak memiliki hak milik. Keinginan dan permohonan untuk mendapatkan hak milik sudah lama berlangsung, tetapi masih belum mendapat keputusan yang bermanfaat bagi komuniti pengusaha.	* <i>Rujuk juga maklum balas di atas.</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Ada beberapa percubaan untuk mendapatkan kelulusan TOL ataupun pajakan tanah tetapi tidak berjaya.</p> <p>Ada kesedaran bahawa terdapat bahagian tanah yang di bawah JPS bersama syarat-syarat yang khusus yang tidak membolehkan hak milik, tetapi pihak-pihak berkepentingan tempatan percaya bahawa satu persetujuan <i>win-win</i> dapat dicapai.</p>	
3.	<p>Kesan aktiviti pembalakan dan penanaman semula pokok untuk pembalakan berulang terhadap aliran sungai.</p>	<p>Wujudnya aktiviti pembalakan yang dalam lingkungan kawasan perusahaan dan aktiviti pengusaha dusun dan <i>campsite</i>.</p> <p>Aktiviti ini memberi kesan yang negatif terhadap pemeliharaan semula jadi kawasan hutan dan habitat seperti pencemaran air.</p> <p>Aktiviti pembalakan ini juga berjalan secara konsisten atau berkala, di mana setiap kali kitaran ini berlaku, termasuk penanaman semula pokok kecil untuk pembalakan pada masa yang akan datang, keadaan alam semula jadi habitat dan sungai akan terganggu.</p>	<p>Jabatan Hutan menjelaskan bahawa kawasan tersebut telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (<i>Virgin Jungle Reserve</i>) dan tidak terdapat sebarang pembalakan yang sah dijalankan. Namun begitu, terdapat pencerobohan oleh penduduk kampung yang menggunakan sebahagian kecil kawasan untuk kegiatan pertanian secara tidak sah.</p> <p>Jabatan Alam Sekitar turut menyokong kenyataan tersebut dengan menyatakan bahawa tiada kelulusan EIA (<i>Environmental Impact Assessment</i>) pernah dikeluarkan untuk pembalakan di kawasan berkenaan. Mereka menegaskan bahawa sebarang pencerobohan kecil oleh individu untuk tujuan penanaman akan diteliti dan boleh disiasat lanjut sekiranya terdapat aduan rasmi.</p>
4.	<p>Kekangan infrastruktur dalam</p>	<p>Komuniti pengusaha dan tempatan berpendapat bahawa kemudahan yang sedia ada dapat</p>	<p>Wakil Majlis Daerah menyatakan bahawa mereka sedar akan keperluan pengurusan sampah di kawasan penginapan dan glamping, namun buat</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	menyokong ekonomi tempatan.	<p>ditambah baik, contohnya jalan untuk masuk ke kawasan pengusaha dusun dan <i>campsite</i>.</p> <p>Setakat ini kelulusan untuk membina jalan sudah ada, dan akan bermula. Komuniti berharap projek ini dapat berlangsung dengan kadar lebih segera. Pada masa sama terdapat juga, jalan-jalan lain yang masih memerlukan penambahbaikan dari semasa ke semasa, dan ada juga satu laluan jalan yang pihak komuniti tidak mempunyai peruntukan yang secukupnya untuk melaksanakan.</p>	<p>masa ini pihak berkuasa tempatan tidak dapat masuk mengutip sampah secara berkala kerana kebanyakan kawasan pengusaha belum mempunyai pemilikan rasmi dan pelan bangunan yang sah. Tanpa dokumen rasmi dan kelulusan pembangunan, mereka tidak dapat menetapkan sistem kutipan sampah yang teratur dan berlesen.</p> <p>Tambahan pula, jalan ke kawasan tersebut juga tidak berada dalam keadaan baik, menyukarkan akses masuk untuk kenderaan kutipan sampah. Pegawai menekankan bahawa keutamaan mereka masih tertumpu kepada kampung-kampung dan kawasan penduduk tetap, dan oleh itu mereka menyeru para pengusaha untuk menyelesaikan urusan pemilikan serta penukaran syarat tanah dan zon pembangunan terlebih dahulu agar dapat menerima perkhidmatan awam seperti kutipan sisa secara sah.</p> <p>Wakil Majlis Daerah - buat masa ini pihak berkuasa tempatan tidak dapat masuk mengutip sampah secara berkala kerana kebanyakan kawasan pengusaha belum mempunyai pemilikan rasmi dan pelan bangunan yang sah. Tanpa dokumen rasmi dan kelulusan pembangunan, mereka tidak dapat menetapkan sistem kutipan sampah yang teratur dan berlesen.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Tambahan pula, jalan ke kawasan tersebut juga tidak berada dalam keadaan baik, menyukarkan akses masuk untuk kenderaan kutipan sampah.</p> <p>Pegawai menyeru para pengusaha untuk menyelesaikan urusan pemilikan serta penukaran syarat tanah dan zon pembangunan terlebih dahulu agar dapat menerima perkhidmatan awam seperti kutipan sisa secara sah.</p>
5.	Peluang pekerjaan yang terhad bagi golongan wanita dan ibu.	<p>Kelompok wanita di sini berkongsi bahawa di sini terdapat ramai suri rumah dan wanita yang bekerja secara sendiri. Kebanyakan daripada mereka menjalankan aktiviti perniagaan secara atas talian.</p> <p>Sektor ekonomi yang ada juga terhad, dengan ada satu sahaja kilang di sini, iaitu kilang YTL.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog bersama My Komuniti Perikanan (MyKP) Chegar Galah Tarikh: 25 Mei 2025 Bilangan peserta: 15 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pejabat Perikanan Daerah Kuala Kangsar 2. PDT Kuala Kangsar
1.	Ketidakupayaan komuniti nelayan untuk membayar caj sewa tanah.	<p>Komuniti MyKP di sini perlu membayar jumlah sekitar RM1,700 ke RM1,800 untuk menyewa tapak tanah di sekitar jeti.</p> <p>Kawasan tapak merangkumi kawasan dari ladang kelapa sawit, ke tiang TNB, dan di bawah bidang kuasa untuk aspek berbeza antara JPS, MPKK dan Pejabat Daerah dan Tanah.</p> <p>Kos penyewaan kawasan tapak di sekitar jeti yang tinggi yang tidak dapat ditampung oleh komuniti nelayan.</p>	<p>Menurut wakil agensi perikanan, pembayaran ini adalah syarat sah setelah permohonan TOL dibuat oleh komuniti untuk menggunakan tanah tersebut secara sah, termasuk sebagai kawasan aktiviti atau dataran. Sebelum ini, kawasan tersebut digunakan secara tidak rasmi tanpa sebarang bayaran, namun dengan penstrukturan dan pembentukan NGT (jawatankuasa nelayan) serta permohonan TOL rasmi, bayaran tahunan kini dikenakan.</p> <p>Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah) menjelaskan bahawa bayaran tahunan TOL adalah hasil kepada kerajaan negeri dan tidak boleh dielakkan. Selain itu, apabila lesen TOL tamat, ia perlu diperbaharui, dan tiada sebarang binaan kekal dibenarkan atas tanah TOL. Persoalan yang timbul dalam kalangan komuniti adalah mengapa bayaran dikenakan sekarang, walhal sebelum ini tiada kos sedemikian. Jawapan diberikan oleh Penghulu Mukim, mereka sudah dimaklumkan dari awal bahawa permohonan TOL membawa bersama tanggungjawab pembayaran cukai tanah, dan pembayaran ini tidak termasuk dalam skop pembiayaan agensi seperti Jabatan Perikanan.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Penghulu Mukim menjelaskan bahawa komuniti perlu menjana pendapatan melalui aktiviti di atas tanah tersebut untuk menampung bayaran TOL, dan bukannya bergantung sepenuhnya kepada bantuan. MyKP telah diwujudkan sebagai satu entiti komuniti, dan mereka digesa untuk membina aktiviti yang berdaya saing seperti pelancongan komuniti atau aktiviti rekreasi bagi menghasilkan pendapatan.</p> <p>Penghulu Mukim/CADO (Tanah)/Perikanan menjelaskan bahawa kesilapan utama adalah apabila tanah TOL diperolehi tetapi tiada perancangan projek atau perniagaan yang mampan dijalankan di atasnya. Beberapa individu memohon TOL semata-mata sebagai cagar tanah tanpa komitmen aktiviti sebenar. Hal ini menyebabkan beban kewangan tanpa sebarang sumber pendapatan untuk menampung kos seperti cukai tanah.</p>
2.	Kos membaiki enjin yang mahal dan ketiadaan pusat pembaikan enjin bot di Padang Rengas.	<p>Komuniti menyuarakan bahawa tidak ada tempat pembaikan di sekitar Padang Rengas. Tempat yang sedia ada adalah di Kuala Kangsar dan Taiping.</p> <p>Terdapat bahagian enjin atau bot yang murah dan boleh dibeli di Shopee. Namun, kos pembaikan foreman adalah mahal. Sebagai contoh, walaupun satu bahagian atau spare part itu RM700, foreman mengenakan bayaran RM2000.</p>	Masalah lain yang dibangkitkan ialah kos penyelenggaraan dan pembaikan bot (MJ) yang tinggi bagi komuniti nelayan. Jabatan Perikanan menjelaskan bahawa hanya satu pusat latihan teknikal berkaitan enjin dan bot wujud di Manjung, dan latihan bergantung kepada takwim pusat tersebut. Di Kuala Kangsar, slot latihan dijangka hanya tersedia pada bulan Ogos.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Ini menyebabkan segelintir nelayan yang beli bahagian daripada Shopee sendiri, dan baiki sendiri atau mendapatkan bantuan nelayan atau mekanik lain untuk membaiki kerosakan.</p>	<p>Namun begitu, CADO (Pembangunan) mencadangkan agar Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut dilibatkan memandangkan mereka memiliki pegawai teknikal dan aset bot yang digunakan untuk urusan banjir, malah pernah mengendalikan latihan berkaitan.</p> <p>Terdapat cadangan untuk mengadakan kerjasama silang agensi, seperti melibatkan pegawai teknikal JPS dalam memberikan latihan membaiki bot secara berkala, agar tidak bergantung sepenuhnya kepada satu pusat latihan di Manjung. Wakil Perikanan menyambut cadangan ini dan sedia menyelaraskan latihan pada bulan Ogos nanti untuk kawasan Chegar Galah.</p>
3.	<p>Pendapatan nelayan yang tidak konsisten dengan jumlah pendapatan yang ketara setiap bulan.</p>	<p>Komuniti nelayan di sini juga mengalami cabaran mendapatkan pendapatan bulanan yang memuaskan. Hasil tangkapan setiap bulan tidak menentu, dan mengikut musim.</p> <p>Ini juga berlaku walaupun, benih ikan ada dilepaskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Contoh seperti ikan lampam, ikan baung dan udang.</p> <p>Pendapatan purata, kalau ada, sekitar RM700-800 sahaja. Dalam waktu, bilamana tangkapan tiada atau bukan musim, komuniti nelayan perlu</p>	<p><i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i></p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		mencari kerja lain seperti ikan pekasam contohnya. Ada nelayan juga, yang mencadangkan supaya boleh jalankan aktiviti eco atau agro-pelancongan.	
4.	Infrastruktur yang tidak memadai dalam bentuk pembinaannya.	Komuniti memberikan maklum balas bahawa walaupun jeti di sini baru siap pada bulan Mac, tahun 2025, terdapat kelemahan yang menonjol dalam reka bentuk pembinaan. Ini kerana, tangga yang di hujung jeti tidak sampai ke sungai bila air surut.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
5.	Peningkatan kos sara hidup.	Komuniti di sini, termasuk golongan wanita dan ibu berkongsi cabaran kos sara hidup yang tinggi, khususnya sejak PKP. Mereka juga menghadapi kesukaran dalam membeli minyak masak bersubsidi.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
6.	Peluang pekerjaan yang terhad.	Komuniti di sini khususnya golongan wanita tidak mempunyai akses kepada peluang pekerjaan. Kebanyakan wanita di kampung tidak mempunyai pekerjaan tetap dan hanya bekerja sendiri. Terdapat keperluan untuk menganjurkan program berbentuk bengkel dan latihan kemahiran bagi menjana pendapatan wanita setempat.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	Penghijrahan anak muda	<p>Bilangan anak muda di kampung semakin berkurangan kerana ramai telah berhijrah ke luar kawasan, termasuk ke Ipoh, disebabkan kekurangan peluang pekerjaan.</p> <p>Implikasi penghijrahan ini memberi kesan kepada pendidikan, kerana bilangan pelajar di sekolah sekitar Chegar Galah semakin menurun.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
8.	Konflik hidupan liar	<p>Kampung Chegar Galah menghadapi konflik hidupan liar, terutamanya ancaman daripada monyet dan kera yang membiak dengan banyak.</p> <p>Haiwan ini sering mengganggu penduduk kampung, termasuk menceroboh rumah dan mengambil makanan, dan tidak takut kepada manusia.</p> <p>Walaupun sangkar disediakan, jumlah haiwan terlalu banyak menjadikan sukar ditangkap dan kawasan pelepasan mereka tidak diketahui.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
9.	Kenaikan Bil Air Akibat Paip Pecah	<p>Di kawasan penempatan baru Kampung Chegar Galah (RPT), bil air meningkat secara mendadak mencecah RM200 sebulan.</p> <p>Masalah ini disebabkan paip yang pecah, dengan meter air diletakkan sejauh 300 meter dari rumah (berdekatan surau), menyebabkan kebocoran sukar dikesan.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Laporan telah dibuat kepada penghulu. Namun, kos pembaikan paip adalah tinggi dan belum ada penyelesaian meskipun isu ini telah berlarutan lebih 6 bulan.</p> <p>Penduduk mencadangkan meter air dipindahkan lebih dekat ke rumah untuk memudahkan pemantauan.</p>	

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog bersama Pertubuhan Jalinan Bakti Padang Rengas Tarikh: 25 Mei 2025 Bilangan peserta: 17 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 1 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Kerja Raya (JKR) 2. PDT Kuala Kangsar 3. Jabatan Alam Sekitar (JAS) 4. PERHILITAN
1.	Langkah keselamatan dan penyelenggaraan jalan raya yang perlu ditambah baik.	<p>Keselamatan menjadi isu utama di jalan raya depan SK Tun Perak. Komuniti beri maklum balas bahawa trafik dan jalan lalu lintas tidak terurus.</p> <p>Lampu juga tidak ada di jalan depan kilang papan, dan di jalan-jalan besar dan utama yang lain. Antaranya di jalan kilometer 15-18 Pekan Padang Rengas, kawasan jalan Kuala Kangsar ke Taiping juga yang memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan. Ini termasuk penurapan semula kerana kali terakhir diturap sudah lama.</p> <p>Satu lagi jalan yang perlukan tambah baik adalah jalan ke kebun di Kampung Changkat Ponggeng.</p> <p>Permohonan telah dibuat selama 5 tahun tetapi masih tiada tindakan.</p>	<p>Wakil JKR menyatakan bahawa penyelenggaraan jalan raya di Padang Rengas, menyatakan bahawa jalan-jalan yang semakin usang memerlukan kos penyelenggaraan tinggi, namun peruntukan yang diterima semakin berkurangan setiap tahun. Pada tahun 2025, daripada jumlah keseluruhan RM33 juta untuk seluruh Malaysia, hanya RM740,000 diperuntukkan kepada daerah Kuala Kangsar untuk jalan federal (FT001 dan FT076), melibatkan hanya lima projek kecil.</p> <p>Permohonan perlu dibuat berdasarkan keutamaan seperti kawasan kemalangan, persimpangan berbahaya, tempat ibadat dan sekolah, dan bukan setiap aduan boleh dilayan secara serta-merta. Pembekalan lampu jalan baru juga terhad kepada lokasi-lokasi kritikal ini. Namun, mereka masih memohon bantuan daripada YB Parlimen dan ADUN untuk menyalurkan dana tambahan, termasuk yang pernah diberikan oleh Menteri Kerja Raya secara langsung untuk beberapa lokasi di kawasan Parlimen ini.</p> <p><i>* Rujuk juga maklum balas di bawah.</i></p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Kekurangan penyelenggaraan infrastruktur kawasan setempat.	<p>Komuniti tempatan berkongsi bahawa jambatan di kawasan <i>flyover</i> di hadapan balai polis perlu penambahbaikan juga. Ini kerana terdapat bahagian yang mempunyai potensi dan berisiko untuk pecah.</p> <p>Turut disampaikan bahawa jambatan di Kampung Buaia telah dapat peruntukan, tetapi kerja penyelenggaraan tidak dijalankan lagi. Terdapat pertindihan atau perbezaan skop kawal selia antara JPS dan KKDW.</p>	<p>Menurut CADO (Pembangunan), tanggungjawab terhadap penyelenggaraan jalan luar bandar dibahagi mengikut kategori agensi: jalan pertanian biasanya di bawah Jabatan Pertanian atau JPS, jalan utama atau laluan antara kampung oleh JKR, manakala lorong kecil dalam kawasan perumahan berada di bawah tanggungjawab pihak PBT.</p> <p>Tambahan, jalan ke Kampung Cangkat Punggai yang berpotensi untuk pembangunan sektor pertanian, justeru perlu dipertimbangkan oleh agensi yang berkaitan.</p> <p>Menurut CADO (Pembangunan) menyatakan keperluan mengutamakan projek pembangunan yang memberi manfaat kepada ramai berbanding hanya kepada individu atau kawasan terpencil. Ini termasuklah pembaikan longkang dan akses jalan di kawasan kampung, di mana pihaknya sentiasa berhubung rapat dengan pengurusan JPKK untuk mengenal pasti projek yang wajar dilaksanakan. Akses jalan sangat penting, bukan sahaja dari segi keselamatan tetapi juga bagi memastikan kelancaran aktiviti ekonomi dan sosial, seperti ke tempat kerja dan menghantar anak ke sekolah. Oleh itu, sebarang pembangunan infrastruktur tidak boleh dikompromikan sekiranya ia menyentuh soal keselamatan dan kesejahteraan awam.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Sistem perparitan yang tidak sistematik dan kejadian banjir.	<p>Komuniti tempatan memberi maklum balas bahawa tahap kemudahan sistem saliran dan longkang di sekitar Pekan Padang Rengas tidak seimbang. Terdapat tempat yang lebih terurus berbanding dengan tempat yang lain.</p> <p>Terdapat juga kerisauan tentang masalah banjir dengan sistem saliran yang tidak memadai antaranya di kawasan Jalan Taman Utama.</p> <p>Selain Jalan Taman Utama, sistem longkang di Kampung Buaia yang tidak diselenggara juga menyebabkan banjir.</p> <p>Kawasan Kampung Paya Panjang dan Jalan Raja Munah juga tiada sistem saliran yang baik, dan diburukkan dengan pembinaan jalan yang lebih tinggi dari kawasan sekitar.</p>	<p>JKR menjelaskan bahawa reka bentuk jalan yang lebih tinggi daripada kawasan sekeliling adalah disengajakan agar jalan tidak ditenggelami air dan boleh digunakan ketika banjir. Namun, sistem saliran tidak terselaraskan dengan baik kerana hanya menangani aliran air dari jalan sahaja, sedangkan air dari perumahan dan kawasan kedai juga memasuki sistem yang sama. Ada cadangan agar semua pihak termasuk JKR, PBT dan JPS duduk semeja untuk menyelaraskan sistem saliran sedia ada dan yang akan dibina.</p> <p>CADO (Pembangunan) dan JPS menyokong cadangan ini dan menambah bahawa antara punca utama banjir kilat adalah kapasiti longkang yang tidak mencukupi dan sikap penduduk yang membuang sampah secara sembarangan, ditambah pula dengan ketiadaan sistem "flap gate". Beliau juga menyentuh isu kekangan perundangan seperti kawasan rizab dan pengambilan tanah yang menghalang pembesaran longkang, serta kos tinggi untuk melaksanakan pelebaran saliran yang efektif. Isu ini perlu ditangani melalui perancangan bersama pelbagai agensi dan penilaian yang lebih menyeluruh terhadap infrastruktur kampung dan taman perumahan.</p>
4.	Pertembungan hidupan liar dan masyarakat	Ancaman kera dan beruk menjadi isu berterusan di persekitaran kampung. Penangkapan gunakan sangkar digunakan, tetapi populasinya tidak berkurang.	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar (PERHILITAN) memaklumkan bahawa sejak tahun 2022 hingga kini, sebanyak 771 ekor kera telah dilupuskan di Padang Rengas, termasuk 107 ekor yang ditembak mati.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Sebanyak 194 aduan telah diterima setakat ini, menggambarkan betapa seriusnya masalah gangguan kera, terutamanya di kawasan kampung. Kera ini cepat membiak, dan walaupun populasi dalam kawasan kampung dikawal, mereka akan kembali dari kawasan hutan apabila gangguan manusia berkurangan. Tindakan hanya diambil terhadap kera di kawasan konflik, kerana populasi di hutan tidak boleh dikurangkan sepenuhnya.</p> <p>Operasi tangkapan memerlukan kerjasama penduduk, termasuk menjaga umpan dan melaporkan kehadiran kumpulan kera. Ada kampung seperti Kampung Jarau yang aktif bekerjasama, menjadikan operasi lebih berkesan.</p> <p>Penghulu Mukim menyatakan bahawa pengurusan sampah rumah yang lemah turut menjadi faktor penarik utama kehadiran kera. Kehadiran sisa makanan di sekitar rumah kampung memberi peluang mudah kepada kera untuk mendapatkan makanan, menyebabkan mereka semakin berani dan agresif, termasuk mencuri telur atau memasuki rumah - mencadangkan agar setiap kampung mempunyai perangkap sendiri yang dijaga dengan baik.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Kekurangan pusat pengumpulan sampah yang baik, dan juga penyelenggaraan.	Tiada pusat pengumpulan sampah yang sistematik di Padang Rengas. Kawasan semasa yang digunakan adalah di persekitaran kawasan kaki Gunung Pondok. Terdapat juga anjing liar pada waktu malam yang menyebabkan sampah berselerak. Air dari kawasan sampah juga bertakung dan menyebabkan pencemaran.	<p>Wakil majlis menjelaskan kutipan sampah dilaksanakan tanpa mengira lokasi perumahan atau kampung, namun beberapa kawasan seperti di kaki Gunung Pondok hanya disediakan tong secara sementara atas permintaan ahli majlis. Lokasi ini tidak sesuai kerana menyebabkan gangguan bau dan kehadiran haiwan liar seperti anjing, tetapi disediakan sebagai langkah sementara.</p> <p>Wakil daripada JKR menyatakan bahawa pihaknya tidak mempunyai kuasa terhadap pengurusan lokasi pelupusan dan hanya boleh menyemak dari sudut keselamatan.</p> <p>Wakil Jabatan Alam Sekitar menekankan isu pembakaran terbuka yang berlaku berdekatan kawasan perumahan dan bangunan komersial. Dua aduan diterima pada bulan Mei, dan pihak mereka telah mengeluarkan amaran serta menekankan bahawa tindakan kompaun boleh dikenakan sehingga RM2,000. Beliau turut mencadangkan pendekatan holistik terhadap pengurusan sisa pepejal dan mencadangkan agar negeri Perak mengadaptasi Akta Pengurusan Sisa Pepejal Negara agar dapat menerima peruntukan dari persekutuan dan mengurus sistem sisa dengan lebih bersepadu.</p> <p>Wakil JAS turut mengaitkan perkara ini dengan laporan audit pengurusan sisa peringkat negeri yang mendapati</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>kelemahan dalam keupayaan kewangan dan infrastruktur untuk kawasan pedalaman.</p> <p>Majlis Daerah mengakui bahawa sistem pengurusan sisa semasa masih bergantung sepenuhnya kepada PBT tanpa koordinasi menyeluruh antara agensi. Mereka tidak menjalankan kutipan sisa di kawasan luar bandar seperti kampung-kampung sepanjang Jalan Lanyak ke Taman Merah kerana ia bukan kawasan operasi mereka. Sebaliknya, hanya kawasan tertentu seperti sekolah diberikan perkhidmatan tetap.</p> <p>KADO (Pembangunan) mengesahkan bahawa tiada peruntukan khas negeri untuk sistem kutipan bersepadu, dan banyak dasar persekutuan masih belum dilaksanakan di negeri akibat isu perundangan antara kerajaan pusat dan negeri.</p>

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog bersama Pertubuhan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman, Padang Rengas Tarikh: 25 Mei 2025 Bilangan peserta: 18 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. IPD Kuala Kangsar
1.	Peluang pekerjaan yang terhad	<p>Akses kepada peluang pekerjaan yang terhad merupakan isu kritikal di Padang Rengas. Ini menyebabkan penduduk tempatan berhijrah ke tempat lain seperti Taiping dan Ipoh untuk mencari kerja.</p> <p>Daripada komuniti di sini terdapat mereka yang memiliki tahap pendidikan tinggi tetapi tidak dapat berkembang daripada segi pekerjaan kerana kurang akses kepada peluang.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
2.	Kurangnya program yang memberi pendedahan tentang peluang pekerjaan dan kerjaya	<p>Terdapat kelompok dalam kalangan komuniti yang tidak tahu bagaimana untuk memohon kerja atau bantuan untuk pelajaran seperti biasiswa, atau tiada pendedahan dan maklumat tentang perkara-perkara sebegini.</p> <p>Program yang berkaitan kerjaya seperti karnival, dijalankan di kawasan lain seperti di Ipoh.</p> <p>Golongan ibu bapa juga tidak tahu dan tiada pendedahan kepada TVET.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Tahap sosioekonomi komuniti India setempat yang masih rendah.	<p>Penduduk di sini berada dalam status sosioekonomi B40. Pendapatan isi rumah untuk komuniti di sini adalah sekitar RM2000 dan ke bawah.</p> <p>Pekerjaan yang umum di sini adalah pemandu lori, pekerja kilang dan pekerja estet.</p> <p>Untuk golongan wanita, kebanyakannya suri rumah, dengan ada yang bekerja sambilan sebagai pembantu rumah dengan gaji sekitar RM25-30 sehari.</p>	<p>Isu pinjaman tidak berlesen atau 'Ah Long', khususnya dalam kalangan komuniti India di Padang Rengas.</p> <p>Pihak polis mengesahkan bahawa isu ini sangat serius, bahkan telah mencapai tahap keganasan apabila tindakan seperti baling bom Molotov ke rumah peminjam berlaku di kawasan tempatan.</p> <p>Pihak polis menegaskan bahawa selain tindakan penguatkuasaan terhadap peminjam tidak berlesen, penting juga untuk mendidik komuniti agar tidak meminjam daripada saluran haram.</p>
4.	Bilangan murid di sekolah yang semakin kurang	Akibat daripada peluang pekerjaan yang kurang, dan juga perpindahan golongan muda ke tempat lain, sekolah yang ada tidak mendapat pendaftaran murid yang secukupnya.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
5.	Ketiadaan IC biru	<p>Terdapat individu yang masih miliki kad pengenalan merah. Perkara ini telah berterusan dari tahun 1954. Permohonan dihantar beberapa kali, tetapi masih gagal memperolehi IC biru.</p> <p>Tanpa pemilikan IC yang penuh, terdapat kesukaran untuk mendapatkan akses kepada bantuan dan perkhidmatan awam.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
6.	Pencemaran habuk	Operasi kilang simen YTL menyebabkan pencemaran habuk. Kesan pencemaran ini meliputi kawasan-kawasan termasuk Jalan Besar Padang Rengas, Kampung Baru Cina, Kampung	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Paya Panjang, Kampung Jaya, Taman Utama, Kampung Gapis dan kawasan sekitarnya.	
7.	Banjir kilat disebabkan sistem perparitan yang tidak diselenggara	<p>Banjir kilat berlaku di Kampung Jaya setiap kali hujan lebat berlanjutan selama 30 minit. Ini disebabkan longkang kecil yang tidak diselenggara dan dipenuhi pasir.</p> <p>Aduan telah dibuat ke pejabat penghulu tetapi tiada tindakan diambil.</p>	* Rujuk maklum balas FGD 4, poin/isu 3.

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog bersama Komuniti Petani Padang Rengas Tarikh: 25 Mei 2025 Bilangan peserta: 5 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 1 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Pertanian
1.	Peningkatan kos input pertanian	<p>Terdapat peningkatan mendadak dalam harga benih padi – daripada RM20 kepada RM28, RM35, RM40, RM60, dan kini sekitar RM55 bagi satu beg 20 kilogram.</p> <p>Harga siling benih padi kini RM58, manakala harga jualan di peruncit adalah sekitar RM55 selepas subsidi ditarik balik.</p> <p>Peningkatan harga benih berlaku akibat penarikan subsidi benih padi, tetapi petani tidak dimaklumkan dengan jelas, menyebabkan kekeliruan dalam kalangan petani.</p>	Wakil dari Jabatan Pertanian mengesahkan bahawa kos input pertanian meningkat selepas pandemik COVID-19 dan krisis geopolitik seperti konflik Israel-Ukraine. Walaubagaimanapun, harga kini menunjukkan trend kestabilan. Jabatan Pertanian tidak mempunyai kuasa untuk mengawal harga input kerana kebanyakannya diimport, namun bantuan berbentuk subsidi tetap diberikan kepada petani yang layak, termasuk bantuan infrastruktur dan input pertanian.
2.	Peningkatan kos operasi pertanian	<p>Kos input pertanian semakin meningkat akibat kenaikan harga benih padi, baja, dan keperluan membeli bahan tambahan seperti booster atau tonik untuk penghasilan padi yang baik.</p> <p>Kos operasi pertanian bagi satu ekar padi kini mencecah sekitar RM1,300 bermula dari penyediaan tanah sehingga penuaian hasil.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Petani menghadapi risiko besar terhadap hasil padi akibat serangan bakteria dan ulat seperti penyakit <i>Bacteria Leaf Blight</i> (BLB) yang tiada racun khusus untuk menanganinya.</p> <p>Bagi menangani masalah tersebut, petani terpaksa menggunakan tiga jenis racun, tetapi mereka tidak pasti tentang keberkesanan racun yang digunakan, menyebabkan peningkatan kos operasi.</p>	
3.	Kekurangan jentera pertanian	<p>Petani, termasuk yang golongan muda, tidak mempunyai jentera yang tersendiri untuk mengusahakan sawah padi.</p> <p>Jentera yang diperlukan termasuk mesin padi atau menuai, lori, dan mesin bajak.</p> <p>Harga minyak yang meningkat juga menyebabkan kos penggunaan mesin dan jentera menjadi semakin tinggi. Contohnya, mesin menuai menjadi RM130 daripada RM75, dan lori kini RM80 daripada RM55.</p> <p>Ketiadaan sumber jentera ini juga menyebabkan petani-petani bergantung kepada pihak swasta untuk membayar bagi meminjam kemudahan ini.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
4.	Kelewatan pengedaran baja	Baja subsidi tidak diuruskan dengan cekap, menyebabkan kelewatan pengedaran. Sebagai contoh, di Kota Lama, petani hanya menerima baja 45 hari selepas penaburan.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Kelewatan pengedaran baja memberi kesan kepada keseluruhan proses penanaman padi kerana setiap fasa memerlukan bekalan baja tepat pada masanya.</p> <p>Di Kota Lama juga, terdapat isu kelewatan yang berkait dengan baja daripada NAFAS kepada PPK.</p>	
5.	Ketiadaan jadual penyelenggaraan oleh pihak berkuasa	<p>Saliran tidak menghadapi masalah besar, tetapi isu utama adalah ketiadaan jadual penyelenggaraan yang dimaklumkan oleh pihak JPS.</p> <p>Petani memerlukan makluman awal sekiranya JPS ingin menutup air untuk kerja penyelenggaraan kerana penutupan mengejut menjejaskan proses tanaman seperti pertumbuhan lalang dan perkembangan padi.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
6.	Penyalahgunaan tanah sawah untuk tujuan selain padi, termasuk penanaman jagung oleh warga asing, tanpa penguatkuasaan tegas.	<p>Berlaku persaingan dalam penggunaan tanah sawah untuk tujuan lain seperti penanaman jagung dan pembinaan <i>homestay</i>, penanaman jagung dilakukan oleh warga asing, tanpa penguatkuasaan yang tegas – walaupun termaktub dalam akta tanah tersebut hanyalah untuk tujuan penanaman padi sahaja.</p> <p>Di Kawasan Lubok Merbau, sebahagian tanah sawah telah disewakan untuk penanaman jagung, memerlukan tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa.</p>	Berhubung isu tanah sawah yang ditukar kepada tanaman lain, pegawai menyatakan kebimbangan terhadap penyalahgunaan kawasan penanaman padi. Ramai petani, terutama yang hanya menyewa tanah, beralih kepada tanaman kontan seperti jagung kerana proses dokumentasi subsidi padi yang rumit dan memerlukan bukti hak milik atau perjanjian bertulis. Tanah-tanah pusaka yang tidak mempunyai pemilikan yang jelas turut menjejaskan kelayakan subsidi.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Jabatan hanya boleh menasihatkan, namun tidak mempunyai kuasa untuk menghalang penukaran jenis tanaman oleh penyewa tanah.
7.	Penjadualan kerja perataan dan pengapuran tidak sistematik.	<p>Di Kampung Kota Lama, penjadualan kerja-kerja perataan dan pengapuran tidak sistematik dan kurang dimaklumkan kepada petani secara menyeluruh.</p> <p>Komuniti petani memerlukan penjadualan dan pemakluman yang jelas untuk aktiviti pengapuran dan perataan tanah.</p>	<p>Jabatan Pertanian menjelaskan bahawa kerja-kerja ini adalah tanggungjawab petani, namun jabatan turut memberikan bantuan kepada petani terpilih. Pengapuran dan perataan biasanya dilakukan setiap dua atau tiga tahun sekali, bergantung kepada musim dan keadaan tanah. Kerja-kerja ini dilaksanakan antara dua musim penanaman – selepas penuaian dan sebelum musim baru bermula – agar tidak mengganggu kitaran pertanian. Jadual biasanya ditentukan berdasarkan perancangan petani dan bukan secara tetap oleh jabatan kerana bimbang tidak selaras dengan kemampuan petani.</p> <p>Jabatan Pertanian menjelaskan bahawa mereka akan menyesuaikan kerja-kerja pengapuran dengan jadual petani selepas musim menuai, dan segala kelewatan biasanya disebabkan oleh keluasan kawasan dan bilangan kontraktor yang terlibat. Namun mereka berusaha untuk memastikan kerja selesai dalam tahun yang sama. Penyelenggaraan sistem saliran dan bekalan air pula berada di bawah tanggungjawab agensi lain seperti JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran).</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
8.	Potongan jualan padi mengurangkan pendapatan dan keuntungan petani.	Potongan jualan padi yang dikenakan kini adalah 20 peratus, dianggap terlalu tinggi dan memberi kesan negatif kepada pendapatan. Petani mencadangkan potongan yang sesuai adalah sekitar 15 peratus.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
9.	Harga penjualan padi masih rendah	<p>Harga jualan padi oleh petani masih rendah; mereka mengharapkan sekurang-kurangnya RM1,800 satu tan metrik sebagai harga minimum yang wajar.</p> <p>Komuniti petani juga berpendapat bahawa peningkatan harga tidak menguntungkan petani dan tidak berkesan kerana apabila harga yang baru yang lebih tinggi diumumkan, kos-kos lain juga meningkat sama.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
10.	Kekurangan tadbir urus antara petani dan pihak tertentu	Terdapat keperluan mendesak untuk memperbaiki aspek tadbir urus (<i>governance</i>) dan hubungan antara petani dan agensi kerajaan, termasuk libat urus dengan pegawai yang berkaitan.	* <i>Rujuk juga maklum balas di isu/poin 7, di atas.</i>

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog bersama Komuniti Warga Emas Rumah PAWE Kuala Kangsar Tarikh: 26 Mei 2025 Bilangan peserta: 14 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 1 kumpulan/Townhall			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Kerja Raya 2. PDT Kuala Kangsar 3. Jabatan Alam Sekitar (JAS) 4. PERHILITAN
1.	Kekurangan dana yang mencukupi untuk memastikan kelangsungan dan kemampuan aktiviti PAWE.	<p>AJK Rumah PAWE berpendapat bahawa geran tahun sebanyak RM50,000 tidak mencukupi. Jumlah ini hanya memadai untuk membayar penyelia, pembantu di Rumah PAWE dan kos utiliti termasuk elektrik. Dana yang sedia ada tidak dapat merangkumi kos untuk melaksanakan program dan aktiviti berkala untuk warga emas.</p> <p>Kebanyakan sumbangan tambahan adalah daripada pihak lain. Komuniti PAWE mencadangkan supaya kerajaan negeri dapat sediakan juga dana khas untuk semua Rumah PAWE yang kini ada 11 ke 12 buah rumah yang ada di Perak.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
2.	Kekurangan kemudahan asas di Rumah PAWE	<p>Tapak dan bangunan yang kini digunakan merupakan bekas pejabat penghulu yang asal dan bangunan ini dikongsi bersama sebuah pertubuhan wanita (WI).</p> <p>Kemudahan tambahan diperlukan seperti meja untuk menulis dan aktiviti-aktiviti lain. Tandas di bangunan ini juga memerlukan penambahbaikan.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Bangunan sedia ada juga mengalami masalah anai-anai dan tidak sesuai untuk kegunaan jangka masa lama tanpa intervensi menghapuskan anai-anai.	
3.	Lokasi tapak pembuangan sampah yang tidak sistematik dan menimbulkan ketidakselesaan.	<p>Tapak pembuangan sampah yang sedia ada di kawasan Lubok Merbau dan kaki Gunung Pondok tidak sistematik dan sesuai.</p> <p>Malahan, tong sampah yang digunakan kini tidak cukup besar kapasitinya untuk menampung jumlah sampah sarap keseluruhan Padang Rengas.</p> <p>Wujud pandangan daripada komuniti yang beri contoh bahawa cukai taksiran dibayar untuk unit lot pertama di kawasan berhampiran SMK Tun Perak, tetapi pengurusan sampah tidak konsisten atau tiada.</p> <p>Manakala di kawasan lain, apabila tidak membayar cukai, pihak majlis tidak menyediakan perkhidmatan untuk pengurusan sisa pepejal. Ini kerana ketiadaan peruntukan yang cukup.</p>	* Rujuk FGD 4, isu/poin 5 di atas.
4.	Penyampaian maklumat kepada komuniti yang kurang jelas, menyeluruh, dan tidak sampai kepada semua lapisan	<p>Warga emas tidak tahu kepada pihak mana yang perlu dirujuk sekiranya mempunyai masalah atau cadangan.</p> <p>Komuniti PAWE ada mencadangkan supaya kotak cadangan diletakkan sama ada di pejabat</p>	* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	warga emas serta tiada hubungan interaktif dua hala antara komuniti dan pelbagai pihak berkuasa..	<p>penghulu atau di kedai-kedai kopi sebagai saluran maklum balas komuniti.</p> <p>Terdapat ahli PAWE yang merupakan bekas jururawat dan mempunyai pengetahuan penjagaan kesihatan. Tetapi tidak mengetahui cara untuk mulakan satu inisiatif yang dapat memberi pendedahan penjagaan kesihatan kepada warga emas. Ada cadangan supaya diwujudkan wadah berkait kesihatan untuk memberi pendedahan dan maklumat kepada warga emas.</p>	
5.	Kemudahan jejantas yang tidak dapat dimanfaatkan	<p>Terdapat satu jejantas di kawasan SMK Tun Perak tidak digunakan kerana dilihat sebagai tidak selamat.</p> <p>Turut dikongsikan bahawa aduan telah dibuat kepada pihak majlis, tetapi tiada tindakan penyelesaian.</p>	* Rujuk FGD 4, isu/poin 1 dan 2 di atas.

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu Sesi Temu Bual Mendalam

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD: Sesi Temu Bual Mendalam bersama Wakil-wakil PDK Talian Permai Tarikh: 26 Mei 2025 Bilangan peserta: 2 orang Kaedah FGD: Perbincangan Temu Bual Mendalam			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Tiada
1.	Elaun petugas dan penyelia yang masih rendah.	<p>Petugas hanya diberi elaun sebanyak sekitar RM1000, dan penyelia elaun RM1200. Jumlah elaun ini tidak mencukupi untuk skop kerja yang dibuat dan juga untuk menampung kos kehidupan secara munasabah.</p> <p>Pada waktu sama, di PDK ini, terdapat sejumlah 15 pelatih. Dua staf, di mana satu adalah penyelia, tidak mencukupi untuk menjaga 15 pelatih secara baik.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
2.	Kekurangan geran peruntukan untuk PDK.	<p>Peruntukan yang diberikan oleh pihak JKM juga tidak mencukupi untuk menanggung kos pentadbiran dan pengurusan serta utiliti, dan aktiviti yang ingin dijalankan oleh PDK.</p> <p>Keseluruhan dana hanya memadai untuk mencukupi perbelanjaan asas PDK dan staf. Pada masa sama, ruangan bangunan yang kini diguna adalah dewan orang ramai. Dan sebelum ini, merupakan surau. PDK kini tidak mempunyai ruangan sendiri yang sesuai.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
3.	Penggunaan sistem dan dokumentasi secara atas talian membebaskan pengurusan PDK.	Terdapat prosedur dan pelaporan yang perlu dibuat gunakan proses atas talian. Ini mengambil masa pihak pengurusan, juga kerana terdapat staf yang terhad.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog bersama Komuniti Belia, Pertubuhan Pergerakan Amal Bakti Tarikh: 26 Mei 2025 Bilangan peserta: 4 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 1 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Pejabat Belia dan Sukan
1.	Kekurangan kemudahan dan tempat riadah untuk belia.	<p>Komuniti Toh Muay yang aktif dan terbina daripada akar umbi belia tempatan tidak mempunyai kemudahan atau pusat rekreasi yang bersesuaian untuk menjalankan latihan.</p> <p>Kos sewaan premis seperti kedai lot adalah tinggi. Ini menyukarkan penyediaan tempat latihan yang selamat dan tetap untuk semua ahli Toh Muay dan komuniti belia secara umumnya.</p>	<p>Wakil daripada agensi belia memberi maklum balas terhadap isu belia Muay Thai yang berlatih di bawah jambatan kerana kekurangan kemudahan sukan. Pada awalnya, komuniti belia telah memohon lokasi yang lebih selamat dan sesuai, namun tiada lokasi yang khusus disediakan. Mereka akur bahawa lokasi yang digunakan kini tidak sesuai dari aspek keselamatan dan keselesaan. Pihak kementerian mengambil maklum terhadap kekangan ini dan memberikan petunjuk bahawa sokongan terhadap aktiviti komuniti seperti ini boleh dipertimbangkan, namun memerlukan proses dan perancangan lanjut melibatkan kerjasama pelbagai pihak, termasuk PBT dan agensi pembangunan sukan tempatan.</p>
2.	Ketiadaan dana dalam kelestarian program untuk belia setempat.	<p>Ketiadaan dana menyebabkan aktiviti-aktiviti sukar untuk dijalankan secara konsisten. Ini juga menyebabkan kekurangan kelengkapan khususnya seperti sarung tangan, alat pelindung dan peralatan latihan lain.</p> <p>Kekurangan sumber dan dana ini juga mengakibatkan ketidakupayaan komuniti belia Toh Muay untuk menerima penglibatan daripada</p>	<p>* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i></p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>kalangan belia walaupun terdapat permintaan yang tinggi.</p> <p>Semua perbelanjaan ditanggung sendiri oleh individu yang terlibat tanpa sebarang bantuan kewangan.</p> <p>Pada masa sama, tidak ada mana-mana pihak yang memberikan peruntukan khas untuk menyokong atau membiayai program Toh Muay di sini secara berterusan.</p>	

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: *Penjanaan Pendapatan Warga Emas dengan Perusahaan Sosial*

Dalam kajian lapangan di Parlimen Rengas, salah satu kumpulan sasar yang dikenalpasti menghadapi cabaran kerentanan adalah golongan warga emas dan veteran. Berbanding dengan kelas atau kumpulan sosial yang lain dalam masyarakat, cabaran sosio-ekonomi dan ekologi yang dihadapi mereka lebih runcing disebabkan keterbatasan dalam beberapa dimensi. Ianya seperti status ekonomi, kepemilikan jaminan perlindungan sosial, tahap fisiologi dan kesihatan, termasuk akses kepada perkhidmatan dan kemudahan kesihatan, sokongan sosial dalam kalangan keluarga, dan kedudukan dalam hubungan dan proses tadbir urus bersama pihak berkuasa. Keadaan ini menjadi lebih kritikal, disebabkan oleh kedudukan kawasan Padang Rengas yang berada di luar atau pinggir bandar-bandar lain yang lebih besar seperti Ipoh dan Taiping. Berbeza dengan tahap urbanisasi di bandar-bandar berkenaan, pembangunan di Padang Rengas, seperti kawasan-kawasan sekitarnya Pekan Padang Rengas dan Pekan Sauk, lebih terhad.

- **Keperluan Sumber Penjanaan Pendapatan untuk Komuniti Rumah PAWE Padang Rengas**

Oleh itu, bagi menangani atau sekurangnya untuk minimakan cabaran-cabaran yang diketengahkan di atas, dan sekurangnya daripada sudut sosioekonomi, program intervensi untuk membentuk satu wadah perusahaan sosial menjadi mustahak. Pendirian wadah ini dapat menyokong proses penjanaan sumber pendapatan dalam kalangan kelompok warga emas dan veteran.

Sokongan dalam dimensi ekonomi dan kewangan, dapat membantu dalam mengukuhkan kebolehan untuk akses sumber dan kemudahan yang lain seperti kesihatan, perumahan, dan perkhidmatan awam. Ianya juga dapat membantu membina kesepaduan sosial dan hubungan solidariti yang dapat berfungsi sebagai jaringan sokongan sosial bagi dan dalam kalangan komuniti Rumah PAWE, dan penduduk tempatan umumnya.

Jadual 13. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	Keperluan Sumber Penjanaan Pendapatan untuk Komuniti Rumah PAWE Padang Rengas
Cadangan	Program perusahaan sosial
Kumpulan Terjejas	Komuniti Rumah PAWE, komuniti warga emas dan veteran
Kawasan	Padang Rengas
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pembentukan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, dan menggalakkan proses menjadikan formal dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.5: Menjelang 20230, membina daya tahan golongan yang miskin dan mereka yang berada dalam keadaan rentan dan mengurangkan pendedahan dan risiko kerentanan terhadap kejadian berkait iklim yang ekstrem dan kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Pembangunan Pendidikan Pelajar B40 Padang Rengas

Kumpulan berpendapatan rendah atau B40, merupakan antara kumpulan rentan yang utama di Parlimen Padang Rengas. Penduduk yang berasal daripada kumpulan ini, antara cirinya adalah, walaupun mempunyai pendapatan, ianya berjumlah rendah dan tidak cukup untuk sara hidup keluarga atau isi rumah. Pada masa sama, ada juga antara mereka yang tidak mempunyai gaji yang tetap dan sifat punca mata pencariannya bergantung kepada kerja-kerja pekan atau kampung yang dilakukan.

Antara kesannya adalah bahawasanya mereka tidak mempunyai akses kepada sumber atau kemudahan yang lainnya, seperti pendidikan, kesihatan dan perumahan yang mencukupi dan baik. Dalam keadaan di mana wujud akses ini, mereka tidak dapat menikmati atau menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan sebegini dengan baik disebabkan oleh sifat atau status kerentanan yang dihadapi. Sedangkan apabila golongan yang berpendapatan rendah tidak mempunyai sokongan kemudahan dan perkhidmatan awam yang baik, seperti perkhidmatan kesihatan untuk membolehkan mereka berada pada tahap kesihatan yang optima untuk bekerja, keupayaan mereka

untuk mencari pendapatan juga akan terkesan. Sifat dan hubungan kerentanan ini telah banyak dibincangkan dalam kajian-kajian kemiskinan multidimensi, umpamanya.

Makanya, golongan berpendapatan rendah atau B40 akan sentiasa dan kekal berada dalam kitaran kemiskinan dan kerentanan yang berterusan. Dan ianya juga bersifat inter-generasi, kerana status sosial ini menjangkau unit keluarga asas, kepada anak mereka, dan kemudiannya terhadap anak kepada anak mereka tersebut.

- **Penganjuran Kelas Tuisyen dan Pendidikan untuk Komuniti Pelajar Etnik India**

Lanjutan kepada huraian di atas, kelompok sasar etnik India di Padang Rengas merupakan antara komuniti yang paling terkesan oleh deprivasi sosioekonomi. Ianya berlaku bukan kerana agensi atau pilihan komuniti mereka sendiri, tetapi disebabkan oleh sejarah dan struktur ekonomi tempatan. Salah satu komuniti yang mengalami kesusahan dan perlu diberi perhatian adalah komuniti pelajar dan murid dalam kalangan penduduk tempatan etnik India. Sebagai contohnya, pelajar-pelajar tersebut memerlukan sokongan daripada segi pembelajaran untuk meningkatkan upaya ilmu pengetahuan mereka.

Pemerhatian jurang dalam proses pembelajaran dan pemberdayaan tahap pendidikan ini menonjolkan kesan keadaan kerentanan kelompok sasar penduduk etnik India dan menguatkan pemahaman bahawasanya terdapat kesalinghubungan langsung antara deprivasi dan kitaran kemiskinan, dan kerentanan.

Oleh kerana itu, intervensi luaran yang berstruktur diperlukan. Contohnya, program pendidikan yang dapat memupuk minat pemahaman dan latihan dalam proses pembelajaran. Seterusnya membolehkan pelajar-pelajar yang terlibat meningkatkan tahap penguasaan dan kemahiran ilmu pengetahuan. Program sebegini juga mempunyai kesan jangka masa pertengahan dan panjang. Ianya menguatkan asas-asas kemahiran dan kehidupan yang dapat mendorong pergerakan mobiliti sosial. Dan selanjutnya akan membuka peluang yang lain seperti kepada peluang pekerjaan, pembangunan perwatakan dan kemahiran dan juga perolehan pendapatan.

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	Penganjuran Kelas Tuisyen dan Pendidikan untuk Komuniti Pelajar Etnik India
Cadangan	Program pembangunan pendidikan
Kumpulan Terjejas	Komuniti pelajar etnik India, komuniti pendapatan rendah
Kawasan	Pekan Padang Rengas Padang Rengas
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.1: Menjelang 2030, memastikan bahawa semua kanak perempuan dan lelaki melengkapkan pendidikan rendah dan menengah yang percuma, saksama dan berkualiti, dan yang akan menyumbang kepada hasil pembelajaran yang relevan dan berkesan.
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.5: Menjelang 20230, membina daya tahan golongan yang miskin dan mereka yang berada dalam keadaan rentan dan mengurangkan pendedahan dan risiko kerentanan terhadap kejadian berkait iklim yang ekstrem dan kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Pemberdayaan Jati Diri Belia Padang Rengas

Selain daripada komuniti penduduk beretnik India dalam kalangan kelompok sasar berpendapatan rendah, komuniti belia dan anak muda daripada kelompok sasar ini juga menghadapi deprivasi sosio-ekonomi dan sokongan sosial yang runcing. Status sosial golongan ini mempunyai hubungan langsung dengan beberapa faktor dalaman atau masyarakat, dan juga luaran atau makro, yang memberi kesan kepada keupayaan mereka untuk berkembang maju dalam kehidupan mereka.

Antara faktor dalaman adalah golongan belia dan anak muda umumnya berasal daripada keluarga yang tidak berada. Oleh itu, akses mereka kepada keperluan seperti pendidikan, perumahan dan kesihatan tidak wujud sepenuhnya. Daripada segi faktor luaran atau makro, kedudukan dan tingkat ekonomi kawasan Padang Rengas menjadi pengaruh penting. Konteks sosialnya yang tidak terserap dalam perkembangan ekonomi arus perdana dengan hasil material dan fizikal seperti di bandar besar membataskan keupayaan warga Padang Rengas untuk berkembang menjadi berdaya tahan.

Akibat daripada permasalahan-permasalahan ini, kelompok berpendapatan rendah dan golongan belia dan anak muda, malahan pelajar-pelajar, menghadapi dan ditekan isu

peminggiran sosial atau *social exclusion*. Proses ini bukan sahaja mengurangkan kedudukan sosial mereka, tetapi juga membawa bersamanya isu-isu lain seperti perlakuan anti-sosial, risiko terlibat dalam aksi yang membahayakan diri dan komuniti, dan juga dalam keadaan yang lebih parah atau keras, tindakan melanggar undang-undang dan aktiviti jenayah.

- **Pembangunan Pusat dan Sistem Sokongan Sosial Anak Muda untuk Komuniti Toh Muay Padang Rengas**

Dalam kajian lapangan yang dijalankan di Parlimen Padang Rengas, pasukan pengkaji APPGM-SDG telah bertemu dengan golongan belia dan generasi muda daripada komuniti atau persatuan belia yang aktif dalam sukan atau aktiviti Toh Muay. Kumpulan atau wadah ini penting sebagai tempat untuk golongan belia dan anak muda menjalankan aktiviti sosial. Ianya membantu memupuk hubungan dan ikatan sosial dalam kalangan orang-orang muda dan juga menjadi pentas untuk mereka mencapai hala tuju dan juga cita-cita kehidupan mereka.

Oleh kerana itu, program intervensi yang berasaskan akar umbi, sejajar dengan keperluan dan minat komuniti setempat dan membuka peluang untuk mereka yang mengambil bahagian merealisasikan potensi diri yang sepenuhnya perlu disokong serta dilaksanakan untuk meningkatkan modal sosial, ekonomi, budaya dan kepimpinan masyarakat tempatan.

Jadual 15. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	Pembangunan Pusat dan Sistem Sokongan Sosial Anak Muda untuk Komuniti Toh Muay Padang Rengas
Cadangan	Program pembangunan latihan dan pusat Muay Thai
Kumpulan Terjejas	Komuniti belia, komuniti desa
Kawasan	Pekan Padang Rengas Padang Rengas
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan secara substantif bilangan belia dan orang dewasa yang memiliki kemahiran relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional, untuk alam pekerjaan, pekerjaan bermartabat dan keusahawanan.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.4: Memperkukuh usaha untuk melindungi dan menjamin pemeliharaan budaya dan warisan semula jadi dunia.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 16. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Projek Makanan Retort dan Sejuk Beku	Pusat Latihan Muay Thai Komuniti Padang Rengas	Pembinaan Pusat Ilmu dan Warisan Masyarakat
SDG Berkaitan	SDG 1, SDG 2, SDG 4, SDG 8	SDG 3, SDG 4, SDG 5, SDG 16	SDG 4, SDG 10, SDG 11
Objektif	Makan retort adalah produk makanan yang dimasak dan dibungkus dalam bekas tertutup kemudian melalui proses pemanasan tinggi untuk memastikan keselamatan makanan dan memanjangkan jangka hayat. Projek ini bertujuan untuk menghasilkan makanan yang berkualiti tinggi yang dapat memenuhi kehendak pasaran serta meningkatkan kesedaran tentang pemakanan yang sihat.	Terdapat beberapa masalah utama yang dihadapi dalam pelaksanaan pembelajaran dan latihan yang berkesan. Antaranya ialah persekitaran tempat pembelajaran dan latihan yang kurang selamat, yang boleh memberi kesan negatif kepada keselamatan serta keselesaan para pelatih semasa menjalani latihan. Selain itu, kelengkapan alat latihan yang tidak mencukupi dan uzur turut menjadi halangan besar. Masalah kekurangan kewangan juga merupakan cabaran utama. Kekangan peruntukan menyebabkan kesukaran meneruskan latihan secara intensif dan produktif.	Projek ini bertujuan membangunkan sebuah pusat pembelajaran dan aktiviti sosial dalam kawasan kuil bagi menyediakan kemudahan yang selamat, selesa dan mesra komuniti. Melalui pelaksanaan projek ini, masyarakat akan memperoleh ruang yang kondusif untuk menjalankan pelbagai aktiviti pembangunan diri dan budaya secara berkala. Matlamat utama projek ini adalah untuk membina sebuah platform yang menyokong pendidikan, memperkukuh nilai murni, serta menggalakkan perpaduan dan keterlibatan aktif dalam kalangan masyarakat secara menyeluruh.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
		Kekurangan ini sekali gus menyekat peluang pelatih untuk berkembang dan bersaing di peringkat yang lebih tinggi.	
Hasil Jangkaan	Projek dapat memastikan semua peserta sudah memahami cara kerja dan juga jenis produk yang akan dihasilkan dengan peralatan pemprosesan yang telah tersedia bagi kawalan kualiti produk dan memastikan keselamatan produk. Selain itu peserta juga akan dapat memastikan pesaing dalam produk makanan dan membuat rancangan pemasaran dengan lebih kreatif atas talian.	Persatuan akan mewujudkan rangka operasi profesional dan sistematik seperti menyediakan SOP (prosedur Operasi Standard) dari segi latihan pentadbiran dan pemasaran. Penjadualan latihan dan silibus bertahap untuk memastikan pelatih kekal terlibat dan bermotivasi juga akan dilaksanakan. Jurulatih muda akan dilatih secara mendalam sebagai pelapis untuk memastikan kesinambungan serta penekanan kepada pembangunan bakat belia sebagai atlet, jurulatih dan penganjur acara.	Projek ini dijangka memberi impak yang besar kepada pembangunan pendidikan dan sosial masyarakat, khususnya dalam membantu pelajar sekolah rendah dan menengah meningkatkan pencapaian akademik mereka, terutamanya menjelang peperiksaan utama seperti Akhir Sesi Akademik dan SPM. Melalui penyediaan kemudahan yang selesa dan bimbingan berstruktur, pelajar akan lebih bersemangat untuk belajar dan lebih bersedia menghadapi peperiksaan. Projek ini juga akan mewujudkan ruang inklusif untuk aktiviti komuniti seperti ceramah, bengkel kemahiran hidup dan program kebajikan, yang mampu memupuk perpaduan serta

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
			meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat.
Organisasi	Persatuan PAWE Kuala Kangsar	Persatuan Pergerakan Amal Bakti Padang Rengas	Pertubuhan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman Padang Rengas
Aktiviti	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengenalan APPGM-SDG 2. Menjalankan latihan dan kursus retort 3. Penghasilan produk retort 4. Penghasilan produk dan pemasaran 5. Penghasilan produk makanan 6. Penghasilan produk makanan sejuk beku 7. Kursus pengendalian makanan dan kursus asas kira 8. Penghasilan produk makanan 9. Penghasilan produk makanan sejuk beku 10. Mempelajari masakan Melayu 11. Kursus pemasaran digital 12. Penyelidikan dan perancangan perniagaan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengenalan APPGM-SDG 2. Asas pengenalan tentang Muay Thai 3. Latihan berkala dan pembangunan fizikal 4. Ceramah motivasi tentang disiplin sukan 5. Pendedahan sistem pemarkahan sukan Muay Thai 6. Penilaian saringan 7. Pertandingan dalaman 8. Kolaborasi bersama pusat latihan luar 9. Pemantapan dan ujian kecergasan 10. Penyertaan kejohanan luar 11. Latihan berkala dan pembangunan fizikal (tahap tinggi) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kelas bimbingan intensif subjek teras 2. Ceramah motivasi 3. Latihan menjawab soalan akhir sesi akademik dan SPM 4. Ulang kaji berkumpulan dan <i>peer tutoring</i>, dan latihan pengurusan masa dan strategi ulang kaji 5. Ceramah motivasi dan pembangunan diri pelajar sekolah rendah dan menengah 6. Sesi kaunseling individu/kumpulan B40 7. Majlis penyuntik semangat akhir

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
		12. Kem pembangunan jati diri dan kepimpinan	
Jumlah (RM)	RM 40,000	RM 40,000	RM 40,000
Lokasi	Kampung Paya Panjang	Pekan Padang Rengas	Pekan Padang Rengas
Tempoh	3 Bulan	3 Bulan	3 Bulan

6.0 RUJUKAN

P.061 Padang Rengas Perak, Statistik Subnasional Parlimen dan DUN, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022

Ringkasan Eksekutif, Draf Rancangan Tempatan Daerah, Kuala Kangsar 2035, November 2021



APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMAPAN



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>